



Diterbitkan sejak 1932

ماجوتن

MAJUTAN

Edisi Januari - April 2017

Untuk Kakitangan Jabatan Perhutanan

www.forestry.gov.my



MUKA SURAT 31

**YBHG. DATO' HJ. NOR AKHIRRUDIN BIN MAHMUD,
KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
MENANDATANGANI SURAT IKRAR BEBAS RASUAH**



YBHG. DATO' NOR AKHIRRUDIN BIN MAHMUD
MENERIMA SURAT PELANTIKAN SEBAGAI
KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA, DAN
YBHG. DATO' ROSLAN BIN ARIFFIN PULA MENERIMA PELANTIKAN SEBAGAI
TIMBALAN KETUA PENGARAH PERHUTANAN (DASAR DAN PERANCANGAN)
PADA 1 MAC 2017 OLEH KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (KPPA)

BANYAK INFORMASI DALAM EDISI INI



DARI MEJA KETUA PENGARANG

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera.

Kepada semua warga Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan selamat bertemu kembali dalam keluaran Buletin Majutan Edisi Januari-April 2017. Pada tahun 2017 pelbagai program telah diatur oleh JPSM dan JPN, program-program ini adalah demi untuk menjayakan misi jabatan untuk menjadi Agensi Terunggul dalam Pengurusan Hutan Tropika Secara Berkekalan. Pada tanggal 2 Mac 2017 YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Ke-22 telah bersara wajib. Beliau hampir 36 tahun berkhidmat di JPSM akan terus diingati, dikenang dan dihargai selamanya. Dalam pada itu, YBhg. Dato' Hj. Nor Akhrrudin bin Mahmud telah menjawat Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia dan YBhg. Dato' Roslan bin Ariffin, telah menjawat jawatan Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan).

Sidang Redaksi ingin mengambil kesempatan merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Dato' Sri dan mengucapkan tahniah kepada YBhg. Dato' Hj. Nor Akhrrudin bin Mahmud dan YBhg. Dato' Roslan bin Ariffin di atas watak pelantikan tersebut. Penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada semua warga kerja JPSM yang telah menyumbang artikel untuk MAJUTAN edisi ini. Buletin MAJUTAN Edisi Januari hingga April 2017 kembali lagi dengan penyampaian berita dan peristiwa yang penuh berinformasi. Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih di atas komitmen yang tinggi, dedikasi dan usaha gigih sidang redaksi yang telah berjaya menerbitkan Buletin MAJUTAN Edisi Januari-April 2017.
Sekian, terima kasih.

“NEGARAKU, ALAM SEKITARKU”

ISI KANDUNGAN

- 4 Pelancaran *Integrity Pack* JPSM
- 4 Program *Gathering Outdoor* 2017 Di Taman Eko Rimba Gunung Nuang
- 5 Majlis Perhimpunan Tahunan Dan Pembaharui Ikrar Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan
- 5 Mesyuarat Agung Puspanita JPSM Kali Ke-14 Tahun 2017
- 6 Pendedahan Penggunaan Teknologi *Drone*
- 6 Mesyuarat Pegawai Kanan Hutan Lipur Dan Hutan Taman Negeri
- 7 Lawatan Kerja Luar Ke The Habitat, Bukit Bendera Pulau Pinang
- 7 Operasi Tanglung Penguatkuasaan Hutan Di Hutan Simpan Ulu Muda
- 8 Kursus Asas '*Total Station*'
- 8 Diskusi Meja Bulat / *Round Table Discussion (RTD)*
- 9 Mesyuarat Memuktamadkan Draf Laporan Inventori Hutan Paya Laut
- 10 Program *Csr "Trees For Life 2017"* Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- 11 *The Second Meeting Of Asean Task Force For Peatlands (ATFP) And The Regional Peatland Governance Workshop*
- 12 Kursus Dendrologi Bagi Pembantu Awam Khas Siri 1/2017
- 12 Majlis Perpisahan Ybhg. Datin Sri Pengerusi Puspanita IPJPSM
- 13 Program Pemantapan Integriti Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia Bersama Jabatan Perhutanan Negeri Kedah
- 14 *Mystery Shopping* Dan *Integrity Testing* Di Pejabat Hutan Daerah Kedah Tengah, Sungai Petani Kedah
- 14 Mini-Lab Bagi Program Restorasi, Tebus Guna Dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot Di Semenanjung Malaysia (Siri 1)
- 15 Kunjungan Hormat Pengarah Perhutanan Negeri Melaka Ke Pejabat Ketua Menteri
- 15 Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah / *Corruption Risk Management (CRM)*
- 16 Kursus Kerja-Kerja Penyediaan Penandaan Sempadan Kawasan Kerja Kepada Kontraktor
- 16 Program Penanaman Pokok Antara Markas Angkatan Tentera Bersama Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan Di Mallbatt Village
- 17 Temubual Program Keringat Bakti Perlesenan Pengusahasilan Lesen Getah Negeri Kedah
- 17 Lawatan Kerja Sempena Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negera Bil. 1/2017
- 18 Kursus Pengecaman Balak
- 18 Program *Go Green Voluntourism/NBOS* 2017 Hutan Lipur Jeram Toi
- 19 Program Penanaman Pokok Sempena Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Selangor Bersama Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda
- 20 *Save Our Rainforest Race - SORR 2017*
- 20 Kempen Kesedaran Program Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negeri Kelantan Tahun 2017
- 21 Program Penanaman Pokok Sempena Minggu Bumi Anjuran Hotel Double Tree By Hilton Melaka
- 21 Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penanaman Pokok Bakau Dan Rhu Di Pesisiran Pantai Negara Bil1/2017
- 22 Pameran Sempena Hari Air Sedunia 2017
- 23 *The 78Th Executive Development Program For Malaysian Government Officials*
- 24 Mesyuarat Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri Dan Pengurusan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
- 25 Kursus Dendrologi – Pengecaman Pokok Dan Daun Untuk Kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan
- 25 Program Tanggungjawab Sosial Korporat Kolej Profesional Mara (KPM) Bandar Melaka Sempena Hari Bumi 2017
- 26 Operasi Penguatkuasaan Bersepadu Di Kompartmen 27 Dan 28 Hutan Simpan Bukit Perangin, Kedah Utara, Jitra
- 26 Latihan Transformasi Negara Bagi Kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan Siri 1/2017
- 27 Program Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Terengganu 2017
- 28 Kursus Pengenalan Dan Pengecaman Spesies Dipterokarpa Terancam Di Semenanjung Malaysia
- 28 Program *Mangrove Our Responsibility (MOR)* Fasa 2 Di Bawah Projek *National Blue Ocean Strategy (NBOS)*
- 29 Program Riadah Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah, Negeri Sembilan
- 29 Mesyuarat Pegawai Kanan Hutan Lipur Dan Hutan Taman Negeri
- 30 Lawatan Ke Taman Negara Thale Ban, Satun, Thailand
- 31 Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR)
- 32 Penyertaan Pejabat Hutan Daerah Hulu Selangor Dalam Program Pantai Angkat Dan Sungai Angkat
- 33 Artikel Kesihatan

SIDANG REDAKSI MAJUTAN

PENASIHAT

YBhg. Dato' Hj. Nor Akhrrudin bin Mahmud
Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia

PENGERUSI

YBhg. Dato' Roslan bin Ariffin
Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan
(Dasar dan Perancangan)

KETUA PENGARANG

Puan Shashiah binti Abdul Karim
Pengarah Kanan
Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan

JAWATANKUASA MAJUTAN

PENGARANG	Mohd Rahim bin Rani	KONSEP DAN REKA BENTUK I	Suhana binti Bebakar
PENOLONG PENGARANG I	Othman bin Deris	KONSEP DAN REKA BENTUK II	Ismail Ali bin Kamarudeen
PENOLONG PENGARANG II	Asiah binti Yaacob	PERCETAKAN DAN EDARAN I	Rajihan bin Rahim
		PERCETAKAN DAN EDARAN II	Kamal Kusyairi bin Abd Ghani

WAKIL JABATAN PERHUTANAN NEGERI

JOHOR Azuan bin Mohd Sukri	KEDAH Siti Sarah binti Shaharuddin	KELANTAN Nur Ain binti Mustapa	MELAKA Noor Syuhada binti Abdul samad
PERAK Nur' Ain binti Chek Mustafa	PERLIS Basirun bin Bakar	PULAU PINANG Shamsul Izham bin Rusli	SELANGOR Nor Wahidah binti Amran
NEGERI SEMBILAN Siti Norhayati binti Mastar	PAHANG Bahren Zuhaily bin Abdul Rahim	TERENGGANU Affeefah Amanee binti Che Ahamed	WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR Ag. Shaffie bin Ag. Ahmadni

WAKIL BAHAGIAN DAN UNIT IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

PERANCANGAN DAN EKONOMI HUTAN Che Rosmi bin Che Ali	KHIDMAT PENGURUSAN Hamidi bin Abd. Halim
PENGURUSAN HUTAN Kadri bin Shaari	PENGURUSAN MAKLUMAT Noorazila binti Yatim
SILVIKULTUR DAN PEMELIHARAAN BIOLOGI HUTAN Mohd Saman bin Sanget	TEKNIKAL DAN INDUSTRI KAYU Zulazfar Husaini bin Abdullah Sani
LADANG HUTAN DAN PERLINDUNGAN HUTAN Sharifah Amira binti Salim	PERUNDANGAN DAN PENDAKWAAN Zulkurnain bin Zakaria
HAL EHWAL ANTARABANGSA Nora Azlina binti Musa	FOREST ECO-PARK DAN HUTAN TAMAN NEGERI Muhammad Firdaus bin Khadlan
LATIHAN PERHUTANAN Muhammad Hafidz bin Abdullah	KOMUNIKASI KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM Nor Hidayu binti Abd. Razak
PENGUATKUASAAN HUTAN Muhamat Azman bin Yahya	PENOLONG SETIAUSAHA PKSIP Zuraida binti Abd. Aziz
KEJURUTERAAN HUTAN Faizah binti Mohamad	SETIAUSAHA PUSPANITA Rafizah bin Minhat

Pihak Jawatankuasa Majutan mengalu-alukan sebarang
bentuk Cadangan / Artikel / Rencana / Komen
daripada seluruh warga Perhutanan.

SILA MAJUKAN KEPADA ALAMAT

Emel : asiah@forestry.gov.my
Suhana.bebakar@forestry.gov.my

PELANCARAN *INTEGRITY PACK* JPSM

Disediakan oleh : Hairuzam bin Mohamad Amin@Hamim
Unit Integriti Perhutanan, IPJPSM

KEPONG, 3 JANUARI 2017

Unit Integriti Perhutanan (UIP) telah melancarkan *INTEGRITY PACK* (IP) yang telah disempurnakan pelancarannya oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abdul Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia sempena Perhimpunan Bulanan Bilangan 1/2017 JPSM yang diadakan di Dewan Alwy, Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong.

Integrity Pack ini merupakan cetusan idea YBhg. Dato' Sri Dr. KPPSM sendiri dan ianya merupakan satu tools atau alat yang diharapkan dapat melengkapi struktur dan mekanisme pentadbiran yang telah direncanakan ke arah mengukuhkan dan membudayakan integriti di JPSM. Ianya akan menjadi satu catatan yang mengandungi kata-kata peringatan, larangan dan catatan tugas dalam membantu jabatan melaksanakan tugas



YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abdul Rahman bin Hj. Abd. Rahim, KPPSM menyerahkan *Integrity Pack* JPSM kepada YBhg. Dato' Hj. Nor Akhrrudin bin Mahmud, TKP (DP)

pemantauan, penyeliaan dan kawalan ke atas pergerakan pegawai dan kakitangan khususnya aktiviti harian di luar pejabat dan lapangan. Ia juga merupakan alat yang boleh membantu jabatan dalam

meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan tadbir urus JPSM serta membantu meningkatkan tahap integriti dan akauntabiliti dalam membantu mencapai misi dan visi jabatan.

PROGRAM *GATHERING OUTDOOR* 2017 DI TAMAN EKO RIMBA GUNUNG NUANG

Disediakan oleh : Harman bin Baharudin
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

HULU LANGAT, 7 JANUARI 2017

Pejabat Hutan Daerah Selangor Tengah, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah menjayakan satu Program *Gathering Outdoor* 2017 bertempat di Taman Eko Rimba Gunung Nuang, Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan. Program ini telah berlangsung selama dua hari iaitu 7 hingga 8 Januari 2017, dianjurkan oleh pertubuhan badan bukan kerajaan iaitu *Malaysian Backpackers*. Tujuan utama program ini adalah bagi mengadakan perjumpaan dengan para penggiat rekreasi luar seluruh semenanjung Malaysia untuk mendapatkan pendedahan keselamatan dan lain-lain perkara berhubung aktiviti rekreasi luar.

Penganjuran ini juga menetapkan objektif untuk mengumpul para penggiat rekreasi luar di dalam pelbagai aktiviti seperti pendakian, pemandu arah gunung, pemandu dan pemilik pacuan 4X4, penggiat sukan air dan aktiviti daripada pertubuhan badan bukan kerajaan. Selain itu objektif program ini adalah bagi merapatkan hubungan di antara penggiat rekreasi yang berlainan kumpulan dan kelab rekreasi serta Agensi dan Jabatan Kerajaan berkaitan. Seramai 500 orang peserta telah disasarkan bagi penyertaan ini yang merangkumi pelbagai kumpulan



Bersama Penganjur Program *Gathering Outdoor* 2017

dan kelab rekreasi. Program ini telah mendapat penyertaan yang positif telah menarik perhatian ramai penggiat rekreasi sehingga mencapai lebih kurang 800 orang penyertaan.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang tempoh dua (2) hari program ini dijalankan. Pegawai Hutan Daerah Selangor Tengah, YM Tengku Mohd Ridzuan bin Tengku Ibrahim telah menyampaikan taklimat berhubung aktiviti rekreasi yang melibatkan kawasan Taman Eko Rimba dan Hutan Simpanan Kekal, peraturan semasa serta langkah keselamatan yang perlu dititikberatkan. Selain itu, taklimat aktiviti sukan air dan aktiviti pendakian gunung turut diadakan oleh pihak penganjur. Sesi dialog antara

pihak penganjur peserta semasa program ini diadakan.

Lain-lain aktiviti yang telah dijalankan adalah pameran, gerai jualan barangan/ peralatan rekreasi luar, pertandingan parang tercantik dan terlasak, kelas asas rekreasi luar dan pelancaran produk Orga. Secara keseluruhan program ini telah berjalan dengan jayanya dan mendapat sambutan yang positif. Peserta juga telah diberi pendedahan dan maklumat berhubung peraturan menjalankan aktiviti rekreasi luar yang melibatkan kawasan Hutan Simpanan Kekal.

MAJLIS PERHIMPUNAN TAHUNAN DAN PEMBAHARUI IKRAR JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN

Disediakan oleh: Siti Norhayati binti Mastar
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

JELEBU, 10 JANUARI 2017

Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan telah mengadakan Majlis Perhimpunan Tahunan dan Pembaharui Ikrar Jabatan Perhutanan tahun 2017. Seramai 180 kakitangan dan pegawai telah hadir majlis tersebut. Majlis Perhimpunan ini telah dirasmikan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Sembilan, Encik Salim bin Aman dan dihadiri oleh semua kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan. Di samping itu majlis turut disertakan dengan majlis penyampaian hadiah dan sijil penghargaan kepada kakitangan yang telah terlibat dengan program MAHA 2016. Pada sesi petang kakitangan telah dibawa melawat Projek Tanaman Cendawan di Pusat Penyelidikan Bioteknologi, Universiti



Pegawai Kanan yang hadir



Penyampaian cenderahati pada petugas MAHA 2016



Program penyampaian cenderahati pada pesara

MESYUARAT AGUNG PUSPANITA JPSM KALI KE-14 TAHUN 2017

Disediakan oleh: Rafizah binti Minhat
Penolong Setiausaha PUSPANITA JPSM

KEPONG, 12 JANUARI 2017

Mesyuarat Agung PUSPANITA Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) kali Ke-14 tahun 2017 telah diadakan pada 12 Januari 2017 bertempat di Dewan Alwy, Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong. Mesyuarat Agung merupakan satu program yang wajib diadakan pada setiap tahun. Objektif program ini adalah untuk memaklumkan dan mengimbas kembali dasar-dasar dan aspirasi PUSPANITA Kebangsaan yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan oleh PUSPANITA Agensi Kerajaan dan merupakan wadah kepada ahli PUSPANITA JPSM untuk menyuarakan pandangan bagi penambahbaikan persatuan. Di samping itu, program sebegini juga dapat memupuk semangat kekitaan dalam kalangan warga PUSPANITA di samping medan untuk beramah mesra antara satu sama lain.

Sebanyak 65 orang Ahli PUSPANITA JPSM telah menghadiri Mesyuarat Agung pada kali ini. Antara aktiviti yang dijalankan semasa Mesyuarat Agung tersebut ialah cabutan bertuah, pertandingan meneka berat anak pokok Tongkat Ali (*Eurycoma longifolia*), pembukaan gerai jualan oleh ahli-ahli PUSPANITA JPSM, Anugerah Ahli Jawatankuasa Paling Aktif dan Ahli PUSPANITA JPSM Paling Aktif.



Majlis Perasmian Mesyuarat Agung PUSPANITA JPSM Kali ke-14 tahun 2017



Antara gerai jualan yang dibuka semasa Majlis Mesyuarat Agung PUSPANITA JPSM Kali ke-14 Tahun 2017



Penerima Anugerah Ahli Jawatankuasa PUSPANITA JPSM Paling Aktif

PENDEDAHAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI *DRONE*

Disediakan oleh: Reanee Lee
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

JENIANG, 18 JANUARI 2017

Kursus Pengendalian Pemantauan kawasan dengan menggunakan *Drone* telah dijalankan di Pusat Latihan Perhutanan Jeniang pada 18 hingga 19 Januari 2017 dengan dihadiri 15 orang peserta.

Objektif program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada kakitangan mengenai cara penggunaan dan pengendalian *Drone* di lapangan selain untuk meningkatkan kecekapan kakitangan dalam menjalankan aktiviti penguatkuasaan melalui pemantauan udara dengan menggunakan *Drone*.

Kursus ini telah mencapai objektif dimana kakitangan yang menghadiri kursus telah mendapat pengetahuan asas mengenai kaedah pengendalian *Drone* di lapangan.



Urus Setia dan Peserta Kursus Penggunaan *Drone*

Jabatan Perhutanan Negeri Kedah telah menubuhkan empat (4) pasukan pengendalian *Drone* iaitu satu (1) di Ibu Pejabat di bawah Unit Penguatkuasaan Negeri dan tiga (3) lagi di setiap Pejabat Hutan Daerah (Kedah Utara, Kedah Tengah dan Kedah Selatan).

MESYUARAT PEGAWAI KANAN HUTAN LIPUR DAN HUTAN TAMAN NEGERI

Disediakan oleh : Muhammad Firdaus bin Khadlan
Bahagian *Forest Eco-Park* dan Hutan Taman Negeri, IPJPSM



PULAU PINANG, 24 JANUARI 2017

Bahagian *Forest Eco-Park* dan Hutan Taman Negeri (BEP) telah menganjurkan Mesyuarat Pegawai Kanan Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri Bil.4/2016 di Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang. Mesyuarat ini diurusetikan oleh BEP dan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang sebagai tuan rumah pada penganjuran mesyuarat kali ini. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Pengarah BEP bersama Pegawai dan Pengurus Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri di Semenanjung Malaysia ini adalah bertujuan untuk memantau perkembangan projek serta membincangkan isu yang dihadapi di Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri yang mana ianya diadakan pada setiap suku tahun.

Pada 25 Januari 2017 pula, satu lawatan ke *The Habitat*, Bukit Bendera, telah diadakan. Rombongan lawatan telah disambut oleh pihak pengurusan dan kakitangan dari *The Habitat* dan diberi taklimat sewaktu lawatan disana. Rombongan juga telah dibawa melawat ke sekitar kawasan *The Habitat* dan melihat kemudahan-kemudahan yang telah disediakan yang menjadi tarikan orang ramai ke *The Habitat*.

LAWATAN KERJA LUAR KE THE HABITAT, BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Disediakan oleh: Shamsul Izham bin Rusli
Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang



Sempena lawatan kerja di *The Habitat*, Bukit Bendera, Pulau Pinang

PULAU PINANG, 25 JANUARI 2017

Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang telah mengadakan lawatan kerja luar ke *The Habitat*, Bukit Bendera Pulau Pinang pada 25 Januari 2017. Sejumlah 25 orang Pegawai dan kakitangan Bahagian *Forest Eco-Park* dan Hutan Taman Negeri Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Objektif lawatan ini untuk memberi pengalaman dan pendedahan kepada Pegawai Kanan Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri JPSM mengenai pengurusan dan pembangunan '*The Habitat*'. Dengan kemudahan bertaraf dunia, keindahan alam semula jadi yang dramatik, dan komitmen untuk pemuliharaan dan kesedaran alam sekitar, *The Habitat* di Bukit Bendera adalah tempat untuk dilawati dalam hutan hujan tropika Malaysia yang paling lengkap, menarik dan pendidikan dalam mengurus dan mentadbir hutan secara berkekalan. Mempelajari teknik pembinaan kemudahan rekreasi yang

bertaraf tinggi seperti '*Hydromedia Conrete*' dan mempelajari pengurusan yang berkesan mengenai '*intepretive trail*' dan keperluan pelawat di *The Habitat*.

Projek ekopelancongan *The Habitat* di Bukit Bendera oleh Creative Quest Sdn. Bhd. mendapat sokongan sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri dalam meningkatkan sosio-ekonomi Negeri Pulau Pinang dan mempelbagaikan tarikan kepada pelancong. Dikendalikan mengikut amalan terbaik industri dan piawaian bertaraf dunia, hutan bersejarah dan berusia 200 juta tahun terletak di lereng Bukit Bendera.

OPERASI TANGLUNG PENGUATKUASAAN HUTAN DI HUTAN SIMPAN ULU MUDA

Disediakan oleh: Reanee Lee
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

JENIANG, 28-30 JANUARI 2017

Operasi Tanglung telah dijalankan di Hutan Simpan Ulu Muda dengan melibatkan 34 orang pegawai dan anggota daripada tiga (3) agensi iaitu Jabatan Perhutanan Negeri Kedah, Jabatan Perlindungan dan Hidupan Liar (PERHILITAN) dan Jabatan Perikanan. Taklimat operasi telah disampaikan oleh Pegawai Hutan Daerah Kedah Selatan iaitu Encik Mohamad Faisal bin Nasaruddin di Pejabat Hutan Renj Gulau. Operasi ini diketuai oleh Penolong Pengarah Penguatkuasaan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah iaitu Puan Reanee Lee.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk mencegah sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang di dalam Hutan Simpanan Kekal seperti menceroboh kawasan Hutan Simpanan Kekal, kesalahan di bawah Undang-Undang Hidupan Liar dan Perikanan di samping dapat menjalinkan hubungan erat dalam antara pelbagai agensi di Negeri Kedah melalui kaedah *National Blue Ocean Strategy (NBOS)*.



Hasil daripada operasi ini, pihak Jabatan Perhutanan Negeri Kedah telah berjaya menahan dan menyita tujuh (7) buah kenderaan pacuan empat roda yang memasuki Hutan Simpanan Kekal tanpa permit. Dalam operasi yang sama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar telah berjaya merampas seekor burung yang dilindungi dan Jabatan Perikanan telah berjaya merampas dan menyita senapang menembak ikan.

Secara keseluruhannya, operasi bersepadu (OPS Tanglung) ini telah mencapai objektif dimana masyarakat telah sedar dan prihatin terhadap

undang-undang Perhutanan, Perhilitan dan Perikanan. Di samping itu, operasi ini menyedarkan masyarakat tentang keperluan mengenai permohonan permit untuk memasuki Hutan Simpanan Kekal. Operasi seperti ini akan diteruskan lagi di bawah *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* bagi mempertingkatkan lagi penguatkuasaan di bawah Akta Perhutanan Negara, Akta Hidupan Liar dan Taman Negara dan Akta Perikanan serta membendung sebarang aktiviti haram dalam Hutan Simpanan Kekal.

KURSUS ASAS 'TOTAL STATION'

Disediakan oleh: Siti Norhayati binti Mastar
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

PORT DICKSON, 31 JANUARI - 3 FEBRUARI 2017

Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan Darul Khusus dengan kerjasama pihak Institut Tanah dan Ukur Negara telah mengadakan Kursus Asas *Total Station*. Kursus ini bertujuan untuk mempertingkatkan lagi cara-cara pengukuran tanah dengan lebih terperinci dengan menggunakan peralatan yang di gunakan oleh pihak Jabatan Pemetaan Negara. Seramai 40 orang kakitangan telah menyertai kursus ini.



Kakitangan yang hadir



Penyampaian Taklimat terperinci oleh pegawai Instnun



Taklimat penggunaan alatan ukur di lapangan



Taklimat di lapangan

DISKUSI MEJA BULAT / *ROUND TABLE DISCUSSION (RTD)*

Disediakan oleh : Mohd Fouzi bin Abdul Hamid
Unit Integriti Perhutanan, IPJPSM

KEPONG, 6 FEBRUARI 2017

Unit Integriti Perhutanan (UIP) JPSM telah menganjurkan satu Latihan Dalam Perkhidmatan iaitu Diskusi Meja Bulat/ *Round Table Discussion (RTD)* pada 6 – 8 Februari 2017 bertempat di Dewan Seminar Bahagian Latihan Perhutanan (BLP) Kepong, Selangor. Objektif program ini dilaksanakan bertujuan untuk memberi pendedahan serta meningkatkan tahap integriti walaupun bertugas di Bahagian Pentadbiran/Perkhidmatan dan Kewangan. Sejumlah 58 orang peserta dari gred N17-N26 dari seluruh Jabatan Perhutanan Negeri/Pejabat Hutan Daerah di Semenanjung Malaysia telah hadir ke program ini.

Antara pengisian program ini ialah ceramah yang disampaikan oleh Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) dan Ketua Unit Integriti Perhutanan, Tn. Hairuzam bin Mohmad Amin@Hamim. Sesi perbincangan, bertukar pendapat dan pembentangan kumpulan merupakan pengisian dalam program ini di mana peserta program diminta mengenalpasti permasalahan di tempat bertugas dan cadangan penambahbaikan dalam memastikan tugas yang dilaksanakan selaras dengan Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Rumusan dari perbincangan dan pembentangan tersebut akan diselaraskan dan digunapakai dalam *Gap Analysis* UIP.



Perbincangan berkumpul untuk meningkatkan integriti dalam kalangan kakitangan awam



Peserta latihan dalam perkhidmatan iaitu Diskusi Meja Bulat



sesi ceramah yang disampaikan oleh wakil AKRAB

MESYUARAT MEMUKTAMADKAN DRAF LAPORAN INVENTORI HUTAN PAYA LAUT

Disediakan oleh : Noor Syuhada binti Abdul Samad
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka



Tanaman pokok Resak (*Vatica abdulrahmaniana*) oleh Dato' Hj. Nor Akhirrudin bin Mahmud, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia

AYER KEROH, 6 FEBRUARI 2017

Mesyuarat Pemurnian Garis Panduan Pengurusan Hutan Paya Laut telah diadakan pada 6 Februari 2017 bertempat di Pejabat Perhutanan Negeri Melaka. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Hj. Nor Akhirrudin bin Mahmud, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia dan dihadiri oleh Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia. Mesyuarat ini diurus setia oleh Bahagian Pengurusan Hutan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Tujuan mesyuarat diadakan ialah untuk menyediakan, menyemak dan memuktamadkan draf laporan inventori Hutan Paya Laut bersama panel tetap yang telah dilantik. Program diteruskan dengan lawatan YBhg. Dato' Hj. Nor Akhirrudin bin Mahmud, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia ke sekitar Pejabat Perhutanan Negeri Melaka, Ayer Keroh dan program penanaman pokok. Sebanyak sepuluh (10) pokok yang terdiri dari pokok Merawan siput jantan (*Hopea odorata*), Tongkat ali (*Eurycoma longifolia*) dan Resak (*Vatica abdulrahmaniana*) telah ditanam semasa program tersebut diadakan.



Tanaman pokok Merawan siput jantan (*Hopea odorata*) oleh YBhg. Dato' Roslan bin Ariffin, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Dasar & Perancangan)

PROGRAM CSR “TREES FOR LIFE 2017” INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA (MIA) BERSAMA JABATAN PERHUTANAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR (JPWPKL) DI HUTAN SIMPAN BUKIT SUNGEI PUTEH, WP KUALA LUMPUR

Disediakan oleh: Encik Ag. Shaffie bin Ag. Ahmadni
Pengarah Perhutanan WP Kuala Lumpur

KUALA LUMPUR, 11 FEBRUARI 2017

Tahun 2017 merupakan tahun ke-2 Institut Akauntan Malaysia (MIA) menjalankan program CSR bersama Jabatan Perhutanan WP Kuala Lumpur. Program CSR “Trees For Life 2016” bersama MIA telah dijalankan di HS Bukit Nanas dengan penanaman sebanyak 100 anak pokok.

Pada 11 Februari 2017 Program CSR “Trees For Life 2017” telah diadakan di Hutan Simpan Bukit Sungei Puteh, WP Kuala Lumpur. Sebanyak 100 anak pokok telah ditanam di Hutan Simpan Bukit Sg. Puteh yang melibatkan seramai lebih kurang 70 orang peserta dan sukarelawan.

Program CSR “Trees For Life 2017” diketuai oleh Chief Executive Officer (CEO), MIA iaitu Dr. Nurmazilah binti Dato’ Mahzan. Majlis ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato’ Lim Kee Leng, Pengarah Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan selaku wakil rasmi Direktorat Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Sebelum program penanaman pokok dijalankan, satu taklimat berkaitan kesedaran hutan dan kaedah penanaman pokok telah disampaikan oleh Encik Ag. Shaffie bin Ag. Ahmadni, Pengarah Perhutanan WP Kuala Lumpur.

Sebanyak tiga (3) pokok Chengal telah di tanam oleh VIP sempena program iaitu:

- Dr. Nurmazilah binti Dato’ Mahzan, CEO MIA
- YBhg. Dato’ Lim Kee Leng, Pengarah Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan, JPSM
- YBhg. Datin Chua Suat Khim, Executif Director, Membership and Operations, MIA.



Sesi bergambar sebelum penanaman pokok oleh peserta dan sukarelawan

Spesies-spesies anak pokok yang ditanam adalah:

Bil.	Nama Pokok	Nama Saintifik
1.	Chengal	<i>Neobalaocarpus hemii</i>
2.	Meranti Kepong	<i>Shorea ovalis</i>
3.	Meranti temak nipis	<i>Shorea roxburghii</i>
4.	Merawan bunga	<i>Hopea beccariana</i>
5.	Kapur	<i>Dryobalanops aromatica</i>
6.	Tualang	<i>Koompassia excelsa</i>
7.	Kempas	<i>Koompassia malaccensis</i>
8.	Karas	<i>Aquilaria malaccensis</i>
9.	Pulai penipu bukit	<i>Alstonia macrophylla</i>
10.	Sentul	<i>Sandoricum kostjape</i>
11.	Petaling	<i>Ochanostachys amentacea</i>
12.	Kalumpang	<i>Sterculia parviflora</i>

Selain program penanaman pokok, para peserta dan sukarelawan juga telah dibawa merentasi denai hutan sepanjang 500 meter untuk mempelajari dan menghayati spesies tumbuh-tumbuhan di dalam hutan. Para peserta dan sukarelawan telah dibahagikan kepada dua (2) kumpulan yang masing-masing diketuai oleh YBhg. Dato’ Lim Kee Leng dan Ag. Shaffie bin Ag. Ahmadni.



Sesi bergambar selepas penanaman pokok oleh peserta dan sukarelawan

THE SECOND MEETING OF ASEAN TASK FORCE FOR PEATLANDS (ATFP) AND THE REGIONAL PEATLAND GOVERNANCE WORKSHOP

Disediakan oleh: Kadri bin Shaari
Bahagian Pengurusan Hutan, IPJPSM

PUTRAJAYA, 13 FEBRUARI 2017

Malaysia telah dipilih menjadi tuan rumah bagi penganjuran *The 2nd Meeting of ASEAN Task Force on Peatlands (The 2nd Meeting ATFP)* dan *The Regional Peatland Governance Workshop* pada 13 - 15 Februari 2017 bertempat di Hotel The Everly, Putrajaya. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Malaysia yang diwakili oleh YBhg. Dato' Sr. Dr. Azimuddin bin Bahari, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan Alam Sekitar), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Objektif utama penganjuran mesyuarat dan bengkel ini adalah bagi menyelaraskan dan mengukuhkan peranan serta kapasiti *ASEAN Member States (AMS)* dalam melaksanakan matlamat *ASEAN Programme on Sustainable Management of Peatland Ecosystems (APSMPE) 2014-2020*, menyokong penyediaan polisi pengurusan hutan tanah gambut yang mapan di peringkat serantau dan nasional serta sebagai platform terbaik untuk AMS berkongsi pengalaman dan bertukar pandangan mengenai pengurusan tanah gambut di peringkat serantau.

Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (BBP, NRE) adalah merupakan focal point yang menyelaraskan kerja persiapan dan pelaksanaan program, manakala Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) melalui Bahagian Pengurusan Hutan (BUH) merupakan agensi teknikal yang membantu pihak NRE dalam menyelaraskan persediaan dan perjalanan mesyuarat dan bengkel tersebut.

Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah membentangkan kertas kerja berkaitan pencapaian dan kejayaan pelaksanaan Pelan Tindakan Tanah Gambut Kebangsaan 2011-2020 yang telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Hutan, Encik Yusoff bin Muda. Pada sebelah malamnya, peserta telah diraikan pada majlis makan malam anjuran Kementerian di Putrajaya International Convention Center (PICC).

Para peserta telah dibawa melawat Pusat Kecemerlangan Hutan Paya Gambut iaitu sebuah pusat sehenti yang menyediakan maklumat dan bahan pameran bagi memperlihatkan usaha-usaha JPSM dalam memelihara sumber hutan paya gambut, mengurangkan kemerosotan



Perasmian Mesyuarat dan Bengkel disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Azizan bin Ahmad, Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

serta kebakaran tanah gambut. Pusat ini juga berperanan sebagai tapak demonstrasi bagi meningkatkan kesedaran orang ramai berkenaan dengan *Best Management Practices* pengurusan bersepadu hutan paya gambut. Selain itu, peserta turut didedahkan dengan kerjasama komuniti setempat dalam membentuk kesejahteraan sosio-ekonomi melalui lawatan ke pusat aktiviti *Community Based Organisation (CBO)* yang telah ditubuhkan iaitu Sahabat Hutan Gambut Selangor Utara (SHGSU).

Secara keseluruhannya, penganjuran Mesyuarat dan Bengkel ini telah berjaya meningkatkan jalinan kerjasama di kalangan negara-negara ASEAN selaras dengan *ASEAN Peatland Management Strategy (APMS)* yang diterima pakai oleh negara-negara ASEAN dalam pengurusan dan pemuliharaan hutan paya gambut.



Sesi bergambar peserta bersama YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Zakri bin Abdul Hamid, Penasihat Sains kepada YAB Perdana Menteri dan YBhg. Dato' Sri Azizan bin Ahmad, Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar



Para peserta dan urus setia bergambar kenangan semasa lawatan kerja di Hutan Simpan Raja Musa, Kuala Selangor

KURSUS DENDROLOGI BAGI PEMBANTU AWAM KHAS SIRI 1/2017

Disediakan oleh : Siti Norhayati binti Mastar
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

KUALA PILAH, 20-23 FEBUARI 2017

Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan telah menganjurkan Kursus Dendrologi bagi Pembantu Awam di Hutan Lipur Ulu Bendul Kuala Pilah seramai 36 orang kakitangan beruniform telah menghadiri kursus ini. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk mempertingkatkan lagi pengetahuan dan juga kemahiran berkenaan pengenalan jenis daun dan juga spesies pokok. Ia bagi meningkatkan pengetahuan semasa bekerja. Tenaga pengajar bagi kursus ini telah dijemput khas dari Unit Latihan Perhutanan Kepong iaitu Encik Anuar bin Wok dan Encik Rusli bin Che Hanafi.



Taklimat pembelajaran di lapangan



Sesi Pembelajaran di lapangan



Sesi peperiksaan dijalankan di lapangan



Peperiksaan spesis pokok

MAJLIS PERPISAHAN YBHG. DATIN SRI Pengerusi PUSPANITA IPJPSM

Disediakan oleh: Rafizah binti Minhat,
Penolong Setiausaha PUSPANITA JPSM

KUALA LUMPUR, 21 FEBRUARI 2017

Persatuan Suri dan Anggota Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) Cawangan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah mengadakan satu jamuan makan tengahari bersempena dengan Majlis Perpisahan YBhg. Datin Sri Hajah Soriaty binti Hj. Abdul Samad, Pengerusi PUSPANITA IPJPSM yang telah diadakan pada 21 Februari 2017 bertempat di Restoran Rebung Chef Ismail, Jalan Tanglin, Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk meraikan YBhg. Datin Sri Pengerusi yang akan bersara. Ini berikutan YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, KPSPM yang akan bersara pada 2 Mac 2017. Seramai 22 orang Ahli PUSPANITA IPJPSM telah bersama-sama memeriahkan majlis tersebut.



Ahli PUSPANITA IPJPSM yang bersama-sama memeriahkan Jamuan Majlis Perpisahan YBhg. Datin Sri Pengerusi PUSPANITA IPJPSM

PROGRAM PEMANTAPAN INTEGRITI

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

BERSAMA JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH

Disediakan oleh: Khairul Nizam bin Mohamed
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

SUNGAI PETANI, 21 FEBRUARI 2017

Program Pemantapan Integriti ini melibatkan 80 orang peserta yang terdiri daripada Timbalan Pengarah (Operasi), Pegawai Kanan serta warga Jabatan Perhutanan Negeri Kedah di mana ia disasarkan kepada semua kakitangan di Pejabat Renj dan Balai Pemeriksaan Hutan (BPH) yang bertugas di lapangan. Program ini telah diadakan di Auditorium Galeri Paya Bakau Semeling, Sungai Petani, Kedah. Antara pengisian dalam program tersebut adalah bacaan Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam serta taklimat telah disampaikan oleh Encik Hairuzam bin Mohamad Amin@Hamim, Ketua Unit Integriti Perhutanan yang bertajuk Pengukuhan Integriti, Cabaran dan Harapan di JPSM.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk meneruskan agenda pengukuhan dan pemantapan integriti dan pencegahan rasuah selaras dengan Program Transformasi Kerajaan. Objektif keseluruhan program ini untuk memastikan kelangsungan kefahaman dan kesedaran mengenai jenayah rasuah, kesalahan-kesalahannya, hukuman dan langkah-langkah pencegahan dalam



Bacaan Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam

sektor pembalakan. Selain itu, ia juga perlu disemai dan memupuk nilai-nilai integriti dan akauntabiliti dalam kalangan warga Perhutanan sebagai satu proses penginstitution Integriti secara berterusan. Akhir sekali, adalah untuk meraih sokongan seluruh warga Perhutanan supaya menyokong usaha-usaha pencegahan dan pemantapan integriti dalam sektor perhutanan.

Secara keseluruhannya, penceramah jemputan telah berjaya mengupas

dan memberi penerangan yang baik terhadap tajuk yang diberikan. Para peserta program juga telah menunjukkan minat dan terlibat secara aktif dalam mengemukakan persoalan terhadap isu dan permasalahan yang berbangkit. Adalah diharapkan agar program seumpama ini dapat mencapai objektif yang telah disasarkan dan sekaligus dapat mengaplikasikan integriti dalam kalangan pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah.



Peserta Program Pemantapan Integriti


MYSTERY SHOPPING DAN INTEGRITY TESTING DI PEJABAT HUTAN DAERAH KEDAH TENGAH, SUNGAI PETANI KEDAH

Disediakan oleh : Mohd Hafiz bin Samsudin
Unit Integriti Perhutanan, IPJPSM

KEDAH, 21 FEBRUARI 2017

Bertempat di Auditorium Galeri Paya Bakau Semeling, Sg Petani Kedah, satu Program Pengukuhan Integriti *Mystery Shopping* dan *Integrity Testing* telah diadakan pada 21 Februari 2017. Program ini merupakan anjuran Unit Integriti Perhutanan (UIP) JPSM dengan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah di mana Pejabat Hutan Daerah Kedah tengah Sg Petani telah di pilih bagi menganjurkan program ini.

Program ini merupakan program turun padang UIP bagi memberi penerangan serta mendapatkan gambaran lebih jelas berkaitan permasalahan yang terdapat di lapangan. Program ini juga adalah sebahagian dari aktiviti yang telah disusun dan di atur oleh Unit Integriti Perhutanan JPSM dalam mengukuhkan dan memantapkan integriti di kalangan warga perhutanan terutama yang bertugas di Pejabat Hutan Daerah,



Taklimat telah disampaikan oleh Tuan Hairuzam bin Mohamad Amin@Hamim, Ketua Unit Integriti Perhutanan, JPSM

Pejabat Renj Hutan dan Balai Pemeriksa Hutan di negeri-negeri.

Antara pengisian dalam program ini adalah ucapan aluan oleh En Abd Rahim bin Ramli, Timbalan Pengarah (Operasi) Jabatan Perhutanan Negeri Kedah, ceramah integriti oleh Ketua Unit Integriti Perhutanan, Tn Hairuzam Bin Mohamad Amin@Hamim dan penyerahan bunting Kempen Tanpa Hadiah kepada Pegawai Hutan Daerah serta pengesanan dan

pengesahan aduan awam di lapangan. Seramai 80 kakitangan pelbagai jawatan di Jabatan Perhutanan Negeri Kedah telah hadir ke program ini.

Program ini juga akan diperluaskan lagi ke beberapa Pejabat Hutan Daerah dan Pejabat Renj hutan yang telah dikenalpasti demi memastikan pembangunan modal insan dan pengukuhan integriti dimartabatkan di kalangan warga perhutanan.

MINI-LAB BAGI PROGRAM RESTORASI, TEBUS GUNA DAN PEMULIHAN KAWASAN HUTAN TEROSOT DI SEMENANJUNG MALAYSIA (SIRI 1)

Disediakan oleh : Siti Nurulhuda binti Ahmad Tarmidzi
Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, IPJPSM

LENTANG, 21 FEBRUARI 2017

Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan (BSB) telah menganjurkan Mini-Lab bagi Program Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot di Semenanjung Malaysia (Siri 1) pada 21 - 24 Februari 2017 bertempat di Pusat Perolehan Biji Benih dan Bahan Tanaman, Lentang, Pahang. Bengkel ini mendapat sambutan yang mengalakkan dengan jumlah peserta seramai 39 orang. Tujuan bengkel adalah untuk meningkatkan pengetahuan berkaitan kaedah dan teknik restorasi secara khusus di kawasan zon tanaman Janda Baik, Bentong, Pahang.

Bengkel selama empat (4) hari yang telah dijalankan meliputi kaedah pembelajaran secara teori dan praktikal di lapangan yang meliputi pengenalan kepada tapak semaian, penyediaan media tanaman, perolehan bahan tanaman, penyelenggaraan anak tabung, penyediaan pembiakan tampang, pengendalian biji benih dan penyelenggaraan anak tabung. Para peserta telah dibawa ke lapangan bagi penyediaan anak liar sebagai bahan tanaman iaitu di Hutan Lipur Lentang, Pahang.



Sesi bergambar penceramah, para peserta dan urus setia bengkel

Pada hari terakhir bengkel ini, satu ujian Mini-Lab bagi Program Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot di Semenanjung Malaysia (Siri 1) telah dijalankan bagi menilai keberkesanan bengkel ini. Secara keseluruhannya, pihak penganjur berpendapat bahawa objektif kursus ini telah tercapai berdasarkan kepada beberapa komen positif daripada peserta yang menyatakan kursus ini memuaskan dan sangat berguna kepada mereka.



Sesi amali penyediaan anak liar sebagai bahan tanaman di Hutan Lipur Lentang, Pahang

KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH PERHUTANAN NEGERI MELAKA KE PEJABAT KETUA MENTERI

Disediakan oleh : Noor Syuhada binti Abdul Samad
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka



Sesi suai kenal dan perbincangan ringkas Pengarah Perhutanan Negeri Melaka dengan Ketua Menteri Melaka

AYER KEROH, 1 MAC 2017

Kunjungan hormat oleh Pengarah Perhutanan Negeri Melaka ke Pejabat Ketua Menteri telah diadakan sempena kedatangan Encik Azni Rahman bin A. Wahid sebagai Pengarah Perhutanan Negeri Melaka yang baru bermula pada 2 Januari 2017. Kunjungan tersebut dimulakan dengan perjumpaan Pengarah Perhutanan-

an Negeri Melaka dan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron. Program lebih kepada sesi suai kenal dan perbincangan ringkas antara Pengarah Perhutanan Negeri Melaka dan Ketua Menteri Melaka. Perjumpaan berlangsung lebih kurang satu (1) jam dan diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada Ketua Menteri Melaka.



Penyampaian cenderahati oleh Pengarah Perhutanan Negeri Melaka kepada Ketua Menteri Melaka

BENGKEL PENGURUSAN RISIKO RASUAH / CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)

Disediakan oleh : Mohd Hafiz bin Samsudin
Unit Integriti Perhutanan, IPJPSM

KUALA LUMPUR, 6 MAC 2017

Unit Integriti Perhutanan (UIP), Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah melaksanakan satu Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah / *Corruption Risk Management (CRM)* bertempat di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia Bukit Tunku Kuala Lumpur pada 6-9 Mac 2017. Bengkel ini merupakan anjuran bersama antara UIP, IPJPSM dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Seramai 22 peserta dari gred 41- 54 telah hadir di bengkel ini dari Jabatan Perhutanan Negeri dan Bahagian/ Unit Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM).

Tujuan bengkel ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada kumpulan pengurusan dalam menggunakan mekanisme/kaedah dalam mengenalpasti punca-punca rasuah dan tindakan/ langkah pembetulan yang perlu diambil. Hasil dari perbincangan dan pembentangan kumpulan dalam

mengenalpasti punca rasuah dan tindakan penambahbaikan telah dirumuskan. Rumusan tersebut akan dibentangkan di peringkat tertinggi untuk penelitian dan seterusnya akan dikeluarkan satu Pelan Pengurusan Risiko Rasuah JPSM sebagai satu panduan kepada warga perhutanan.



Peserta bengkel Pengurusan Risiko Rasuah / *Corruption Risk Management (CRM)*



Sesi perbincangan kumpulan dalam mengenalpasti punca rasuah

KURSUS KERJA-KERJA PENYEDIAAN PENANDAAN SEMPADAN KAWASAN KERJA KEPADA KONTRAKTOR

Disediakan oleh: Nur Ain binti Mustapa
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

MACHANG, 7 MAC 2017

Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan telah menganjurkan Kursus Kerja-kerja Penyediaan Penandaan Sempadan Kawasan Kerja kepada Pihak Kontraktor oleh Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan Tahun 2017 pada 7 hingga 9 Mac 2017 bertempat di Pusat Latihan Perhutanan Bukit Bakar, Machang. Kursus ini melibatkan penyertaan seramai 41 orang peserta terdiri daripada 30 Syarikat yang berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan. Objektif kursus ini ialah bagi memastikan pihak swasta/kontraktor dapat menjalankan kerja-kerja penyediaan sempadan kawasan kerja dalam tempoh masa dan spesifikasi kerja yang telah ditetapkan oleh pihak jabatan.



Sesi bergambar bersama YBhg. Dato' Haji Zahari bin Ibrahim Pengarah Perhutanan, Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

Para Pengajar Kursus pada kali ini ialah Encik Hazman bin Othman, Penolong Pegawai Hutan Jajahan Kelantan Timur, Encik Che Mahadi bin Che Wei, Penolong Pegawai Jajahan Kelantan Barat dan Encik Mohd Hafiz bin Rameli, Pengawas Hutan Unit Silvikultur dan Perlindungan Hutan.

PROGRAM PENANAMAN POKOK ANTARA MARKAS ANGKATAN TENTERA BERSAMA JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN DI MALLBATT VILLAGE

Disediakan oleh : Siti Norhayati binti Mastar
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

PORT DICKSON, 8 MAC 2017

Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan bersama Angkatan Tentera Malaysia telah mengadakan Program Penanaman Pokok di Mallbatt Village Port Dickson. Seramai 100 orang anggota tentera dan juga kakitangan jabatan telah menyertai program ini.



Acara penanaman pokok telah di sempurnakan oleh Y.Bhg LAKSDA Dato' Pahlawan Hj Mohamad Adib bin Abdul Samad dan Pengarah Perhutanan Negeri Sembilan Encik Salam bin Aman di Mallbatt Village dan diikuti oleh kakitangan kedua-dua agensi. Sebanyak 100 anak pokok telah ditanam pada program tersebut.



Pengarah Perhutanan Negeri Sembilan menyampaikan cenderahati kepada YBhg. LAKSDA Dato' Pahlawan Hj. Mohamad Adib bin Abdul Samad



Penanaman anak pokok oleh Pengarah Perhutanan Negeri Sembilan dan YBhg. LAKSDA Dato' Pahlawan Hj. Mohamad Adib bin Abdul Samad

TEMUBUAL PROGRAM KERINGAT BAKTI PERLESENAN PENGUSAHASILAN LESEN GETAH NEGERI KEDAH

Disediakan oleh: Siti Sarah binti Shaharuddin
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

ALOR SETAR, 14 MAC 2017

Jabatan Perhutanan Negeri Kedah telah diberi peluang ke udara di Radio Kedah FM melalui program Keringat Bakti untuk memaklumkan berkenaan Perlesenan Pengusahaan Kayu Getah di Negeri Kedah. Wakil Jabatan Perhutanan Negeri Kedah yang hadir dalam sesi temuramah tersebut adalah Encik Azhar bin Murad, Penolong Pemelihara Hutan dari Unit Penguatkuasaan Hutan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Beliau memaklumkan, perlesenan pengusahaan kayu getah ini adalah caj atau kadar cukai yang dikenakan kepada pihak yang terlibat bagi kerja-kerja pengusahaan yang melibatkan kayu getah di kawasan tanah bermilik. Cukai dan ses dikenakan kepada pelesen yang mengeluarkan kayu getah daripada tanah bermilik. Penguatkuasaan perlesenan ini adalah selaras dengan keputusan Majlis Tanah Negara Ke-71 yang telah bersidang pada 10 Disember 2015, bersetuju untuk melaksanakan perlesenan Pengusahaan Kayu Getah dikuatkuasakan di seluruh Semenanjung



Temubual program keringat bakti perlesenan pengusahaan lesen getah Negeri Kedah di radio Kedah FM

Malaysia. Oleh itu Kerajaan Negeri Kedah melalui Jabatan Perhutanan sebagai agensi yang bertanggungjawab di dalam hal ehwal perhutanan dan pihak yang melaksanakan perlesenan ini. Tarikh yang dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Kedah untuk penguatkuasaan perlesenan ini adalah pada 1 Januari 2017.


Beliau juga memaklumkan pihak yang

terlibat di dalam perlesenan ini adalah semua pengilang, pengusaha, kontraktor dan pemilik tanah yang ingin menebang, mengeluarkan dan menjual kayu getah.

Temubual yang berlangsung selama setengah jam itu berjalan dengan baik dan diharap dapat membantu pihak terlibat lebih peka berkenaan Perlesenan Pengusahaan Kayu Getah.

LAWATAN KERJA SEMPERA MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA PENANAMAN POKOK BAKAU DAN SPESIES-SPESIES YANG SESUAI DI PESISIRAN PANTAI NEGERA BIL. 1/2017

Disediakan oleh: Nur Ain binti Mustapa
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan



Penanaman Pokok Rhu oleh YBhg. Dato' Lim Kee Leng, Pengarah Bahagian Ladang, IPJPSM



Sesi bergambar bersama YBhg. Dato' Lim Kee Leng, Pengarah Bahagian Ladang, IPJPSM

BACHOK, 15 MAC 2017

Satu Lawatan Kerja telah diadakan sempena Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies yang sesuai di Pesisiran Pantai Negara Bil. 1/2017 pada 15 Mac 2017 bertempat di Pantai Kemasin, Bachok.

Taklimat Tapak Penanaman Rhu di Pantai Kemasin telah disampaikan oleh YBrs. Encik Razali bin Abdu Raman, Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan) Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan. Semasa lawatan kerja ini beberapa isu dan masalah berkaitan penanaman spesies Rhu telah dibincangkan. Pada

lawatan kerja ini sebanyak 300 anak pokok Rhu Pantai telah berjaya ditanam oleh ahli-ahli mesyuarat.

KURSUS PENGECAMAN BALAK

Disediakan oleh: Nur Ain binti Mustapa
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

MACHANG, 21 MAC 2017

Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan telah mengadakan Kursus Pengecaman Balak pada 21 hingga 23 Mac 2017 bertempat di Pusat Latihan Perhutanan Bukit Bakar, Machang, Kelantan. Kursus ini melibatkan penyertaan 25 orang peserta terdiri daripada Pengawas Hutan dan Pekerja Awam Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan.

Objektif utama kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan dalam bidang pengecaman balak serta meningkatkan keyakinan kakitangan dalam membuat pengecaman balak semasa menjalankan tugas harian dan semasa memberi penerangan kepada masyarakat mengenai spesies-spesies balak. Para Pengajar Kursus Pengecaman Isi Kayu pada kali ini ialah Encik Hazman bin Othman, Penolong Pegawai Hutan Jajahan Kelantan Timur dan Tn. Hj. Zairi bin Abdullah, Penolong Pegawai Hutan Operasi dan Penguatkuasaan Hutan.



Sesi bergambar bersama YBhg. Dato' Haji Zahari bin Ibrahim Pengarah Perhutanan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan



Majlis Perasmian Kursus disempurnakan oleh YBhg. Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim Pengarah Perhutanan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan




Pembelajaran secara praktikal

PROGRAM GO GREEN VOLUNTOURISM/NBOS 2017 HUTAN LIPUR JERAM TOI

Disediakan oleh: Nur Ain binti Mustapa
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

JELEBU, 25 MAC 2017

Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan telah mengadakan gotong royong untuk memperingih Hutan Lipur Jeram Toi. Agensi yang terlibat menjayakan program gotong royong ini ialah Polis Diraja Malaysia, Pelajar dari UITM, Majlis Daerah Jelebu dan juga SWM Negeri Sembilan.



Peserta Program Go Green Volunteering 2017



Peserta yang hadir



Sesi Taklimat Sebelum program dijalankan

PROGRAM PENANAMAN POKOK SEMPERA HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI SELANGOR BERSAMA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR DAN DULI YANG TERAMAT MULIA RAJA MUDA

Disediakan oleh : Nor Wahidah binti Amran
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor



DYMM Sultan Selangor turut berkenan mencemar duli menyempurnakan acara penanaman pokok

KUALA SELANGOR, 25 MAC 2017

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah berjaya mengadakan Program Penanaman Pokok Negeri Selangor Tahun 2017 Sempena Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Selangor bertempat di Taman Alam Kuala Selangor. DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj telah berkenan mencemar duli menyempurnakan program penanaman pokok pada kali ini.



Aktiviti tanam anak pokok oleh sebahagian peserta program



DYTM Sultan Selangor turut berkenan mencemar duli menyempurnakan acara penanaman pokok

Program penanaman pokok ini adalah merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri Selangor bagi menyemarakkan lagi persekitaran hijau di Selangor. Tema Hari Hutan Antarabangsa pada tahun ini adalah 'Forest and Energy'. Sebagai simbolik penyempurnaan program ini, DYMM Sultan Selangor turut berkenan mencemar duli menyempurnakan acara penanaman pokok daripada spesies Bakau kurap (*Rhizophora mucronata*) dan diiringi oleh DYTM Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj dan YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali serta tetamu jemputan yang lain.

Seramai lebih kurang 300 orang tetamu jemputan yang terdiri daripada ADUN, EXCO dan Ketua Jabatan Kerajaan telah menyertai aktiviti penanaman pokok. Selain itu, sejumlah 1,500 orang peserta daripada kakitangan agensi kerajaan, swasta, penuntut universiti awam, pelajar sekolah dan penduduk tempatan juga telah melibatkan diri dalam program ini.

Selepas acara penanaman pokok dijalankan, DYMM Sultan Selangor bersama tetamu jemputan turut berkesempatan mencemar duli melawat tapak pameran daripada agensi-agensi yang mengambil bahagian seperti Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Negeri Selangor, Majlis Daerah Kuala Selangor, Unit Perancangan Ekonomi Negeri, Lembaga Urus Air Selangor, Institut Penyelidikan Hutan Malaysia, Malaysian Nature Society serta Global Environment Centre. Selain itu, DYMM Sultan Selangor juga telah berkenan menurunkan tandatangan pada buku pelawat khas di tapak pameran JPNS.

Sebagai tanda penghargaan dan kenang-kenangan, Pengarah Perhutanan Negeri Selangor, Dr. Mohd Puat bin Dahalan telah mempersembahkan cenderahati berupa sebuah potret lukisan hasil karyawan Haron Mokhtar dan seutas tasbih yang diperbuat khas daripada kayu kemuning hitam kepada DYMM Sultan Selangor.

Program tanam pokok ini telah berakhir dengan jayanya pada jam 12.00 tengahari dan sebanyak 5,000 anak pokok daripada spesies Bakau kurap dan Bakau minyak telah berjaya ditanam oleh para peserta yang hadir program tanam pokok ini.

SAVE OUR RAINFOREST RACE - SORR 2017

Disediakan oleh: Shamsul Izham bin Rusli
Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang

PULAU PINANG, 25 MAC 2017

Program *Save Our Rainforest Race* 2017 telah diadakan pada 25 Mac 2017 bertempat di Pantai Keracut Taman Negara Pulau Pinang dan Taman Rimba Telok Bahang. Program ini telah dianjurkan bersama dengan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Jabatan Perikanan Negeri dan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang. Objektif utama program ini adalah bertujuan untuk menggalakkan penglibatan aktif pelbagai lapisan masyarakat khususnya dalam aktiviti-aktiviti penanaman pokok dan spesies-spesies yang sesuai di persisiran pantai. Sejumlah 1,300 orang peserta telah mengikuti program ini. Antara peserta yang terlibat adalah golongan belia/pelajar sekolah dan masyarakat tempatan serta peserta dari pihak kakitangan Tenaga Nasional Berhad, Hard Rock Hotel Penang, Concorde Hotel and Resort dan Saloma Theatre Restaurant,



Para peserta menjalankan aktiviti-aktiviti di Taman Rimba Teluk Bahang sepanjang *Save Our Rainforest Race SORR 2017*

Kuala Lumpur.

Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Kol. Bersekutu (PA) Puan Sri To' Puan Datuk Shariffa Sabrina Syed Akil, Presiden Pertubuhan Perlindungan Khazanah Alam (PEKA) Malaysia. Program tersebut merupakan salah satu pendedahan secara hand-on berhubung aspek-aspek pemeliharaan dan pemuliharaan hutan persisiran pantai. Sejumlah 500 anak pokok jenis Mambung Laut/ Ambang-ambang *Scaevola taccada* telah berjaya ditanam oleh peserta. Program ini juga merupakan sebagai salah satu publisiti kepada orang awam mengenai peranan dan tanggungjawab Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang dalam mengurus dan mentadbir hutan secara berkekalan, kesedaran pemeliharaan kepelbagaian biologi hutan dan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan ekosistem hutan persisiran pantai dan menyemai rasa cinta terhadap alam semulajadi dalam kalangan orang ramai

KEMPEN KESEDARAN PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU DAN SPESIES-SPESIES YANG SESUAI DI PESISIRAN PANTAI NEGERI KELANTAN TAHUN 2017

Disediakan oleh: Nur Ain binti Mustapa
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan



Peserta program menaiki bot untuk ke lokasi penanaman pokok Bakau



Sesi soal jawab bersama peserta program

TUMPAT, 27 MAC 2017

Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan telah mengadakan Kempen Kesedaran Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies yang sesuai di Pesisiran Pantai Negeri Kelantan tahun 2017 Bil. 1/2017 pada 27 Mac 2017 bertempat di Tapak Penanaman Bakau, Delta Kelantan, Tumpat. Kempen ini melibatkan penyertaan 50 orang peserta daripada *Clinic cure and Care Anti Dadah* Kebang-

saan Negeri Kelantan. Matlamat utama kempen adalah untuk menerapkan semangat cinta kepada alam semulajadi serta kesedaran terhadap kepentingan tanaman pesisir pantai. Aktiviti telah dilaksanakan dengan sesi taklimat kesedaran mengenai kepentingan hutan pesisir pantai telah disampaikan oleh YBrs. Puan Nur Najwa binti Dina Abong dan seterusnya aktiviti menanam anak 300 pokok bakau di Pulau Bedal, Delta Kelantan, Tumpat.

PROGRAM PENANAMAN POKOK SEMPENA MINGGU BUMI ANJURAN HOTEL DOUBLE TREE BY HILTON MELAKA

Disediakan oleh : Noor Syuhada binti Abdul Samad
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka

SUNGAI UDANG, 28 MAC 2017

Program Tanaman pokok oleh *Double Tree By Hilton Hotel* telah diadakan di Hutan Lipur Sungai Udag pada jam 9.00 pagi dengan kerjasama pihak Pejabat Renj. Alor Gajah dan Kumpulan Melaka Berhad (KMB). Peserta program adalah seramai sepuluh (10) orang dan turut disertai oleh Encik Herman Courbois, Ketua Pegawai Eksekutif Hilton Melaka. Tujuan program diadakan bagi memenuhi tanggungjawab *Corporate Sosial Responsibility (CSR)* syarikat tersebut sekaligus memupuk semangat cintakan alam semulajadi dan kepentingan penanaman pokok. Sebanyak dua puluh (20) anak pokok daripada pelbagai spesies hutan seperti Meranti Tembaga (*Shorea leprosula*), Kembang Semangkuk (*Sterculia lychnophora*) dan Nyatoh Taban Merah (*Palaquium gutta*) telah ditanam.



MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL PENANAMAN POKOK BAKAU DAN RHU DI PESISIRAN PANTAI NEGARA BIL1/2017

Disediakan oleh : Noor Syuhada binti Abdul Samad
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka

AYER KEROH, 29 MAC - 30 MAC 2017

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penanaman Pokok Bakau dan Rhu di Pesisiran Pantai Negara Bil. 1/2017 telah diadakan selama dua (2) hari. Mesyuarat ini dihadiri oleh Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri seluruh Semenanjung Malaysia, wakil Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), wakil Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), wakil Jabatan Hutan Sabah, wakil Jabatan Hutan Sarawak, Badan-badan bukan kerajaan (NGOs), Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) dan agensi-agensi berkaitan.

Mesyuarat ini merupakan mesyuarat yang diadakan setiap suku tahun pada setiap tahun bagi membincangkan hala tuju dan perancangan aktiviti jabatan dan agensi luar dalam penanaman pokok Bakau, Rhu di Pesisiran Pantai Negara. Seramai lapan puluh (80) ahli mesyuarat telah hadir bagi program dua hari tersebut. Program dimulakan dengan lawatan ke Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu, Jabatan Perikanan Negeri Melaka, Padang Kemunting, Masjid Tanah, Melaka. Taklimat telah disampaikan oleh Pegawai Perikanan dan



Ahli mesyuarat yang terlibat semasa Lawatan ke Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu, Jabatan Perikanan Negeri Melaka, Padang Kemunting, Masjid Tanah, Melaka



Encik Azni Rahman bin A. Wahid, Pengarah Perhutanan Negeri Melaka sedang menanam pokok Bintangor laut

seterusnya aktiviti Penanaman Pokok Pesisiran Pantai sebanyak seratus (100) anak pokok seperti pokok Ketapang dan Bitangor Laut. Aktiviti lawatan diteruskan dengan lawatan ke Hutan Paya Laut Linggi untuk melihat kawasan pokok Bakau yang tumbuh secara semulajadi di Hutan Simpan Negeri Melaka. Pada 30 Mac 2017, Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penanaman Pokok Bakau dan Rhu di Pesisiran Pantai Negara Bil.1/2017 telah diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat Tun Fatimah, Aras G, Blok Bentara, Seri Negeri, Melaka dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 petang.

PAMERAN SEMPENA HARI AIR SEDUNIA 2017

Disediakan oleh: Siti Sarah binti Shaharuddin
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah



Penyampaian Hadiah

ALOR SETAR, 30 MAC 2017

Lembaga Sumber Air Negeri Kedah (LSANK) telah menganjurkan sambutan Hari Air Sedunia 2017 Peringkat Negeri Kedah di Perkarangan Central Atrium, Aman Central, Alor Setar.

Tanggal 22 Mac setiap tahun merupakan Sambutan Hari Air Sedunia (*World Water Day*) yang bermula pada tahun 1993, sebagai satu hari untuk memberi perhatian dan menyedari akan kepentingan air bersih terhadap penduduk dunia.

Sambutan ini adalah bertujuan untuk menandakan kepentingan air kepada tamadun manusia dan alam sekitar. Hari Air Sedunia tahun ini memberi tumpuan kepada air sisa (*waste water*). Selepas air digunakan untuk aktiviti harian, kita melepaskannya sebagai air sisa. Malangnya, peningkatan populasi manusia dan aktiviti ekonomi telah meningkatkan beban pencemaran kepada sumber air dan masalah kekurangan air di peringkat global.

Jabatan Perhutanan Negeri Kedah dan pelbagai agensi lain juga turut mengambil bahagian dalam menjayakan aktiviti yang telah dianjurkan dengan mengadakan pameran bagi sektor awam dan swasta. Antara aktiviti lain yang turut diadakan adalah kaunter bayaran bil oleh Syarikat Air Darul Aman (SADA), Kem Kesedaran Alam Sekitar dan Promosi Rakan Alam Sekitar.

Majlis Perasmian Hari Air Sedunia 2017 Peringkat Negeri Kedah telah disempurnakan oleh YAB. Dato' Seri Diraja Ahmad Bashah bin Md. Hanipah, Menteri Besar Negeri Kedah Darul Aman.



YAB Menteri Besar Kedah melawat gerai pameran



Timbalan Pengarah (Operasi) memberikan penerangan kepada YAB Menteri Besar Kedah

THE 78TH EXECUTIVE DEVELOPMENT PROGRAM FOR MALAYSIAN GOVERNMENT OFFICIALS

Disediakan oleh: Siti Nurulhuda binti Ahmad Tarmidzi
Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, IPJPSM



Sesi bergambar peserta program bersama Presiden NHI, Korea dan Pegawai daripada Kedutaan Malaysia



Makan malam bersama Pegawai-pegawai daripada Kedutaan Malaysia



Sesi Perbincangan di dalam Kumpulan

SEOUL, 3-14 APRIL 2017

Seoul, Kerajaan Republik Korea - National Human Resources Development Institute (NHI) dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menganjurkan Program Pembangunan Eksekutif bagi Kumpulan Pelaksana Gred 27-40 pada 3 hingga 14 April 2017. Kursus ini dijalankan selama 2

minggu di NHI, Republik Korea dengan penglibatan sebanyak 20 orang peserta daripada Kementerian dan Jabatan di Malaysia. Objektif program ini untuk menyediakan latihan kepimpinan dan pembangunan sumber manusia kepada pegawai Kerajaan Malaysia, berkongsi pengetahuan dan pengalaman berkaitan sistem pentadbiran Kerajaan Republik Korea serta mengeratkan hubungan dua

hala antara kedua-dua buah Negara. Modul program ini meliputi ceramah, kajian kes serta lawatan ke agensi Kerajaan, pusat sejarah dan kawasan industri. Puan Siti Nurulhuda binti Ahmad Tarmidzi, Penolong Pegawai Keperluan Biologi Hutan (Arboretum), Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan telah terpilih untuk mewakili JPSM ke program ini.

Program ini merupakan pendidikan melalui pengalaman dan pemerhatian *'experience learning and observation'* kepada kakitangan kerajaan. Di antara tempat yang dikunjungi para peserta adalah di Korean Musical "Nanta Theater", syarikat automobile seperti Kia Motor, pertanian iaitu ladang tomato serta cili dan perjumpaan bersama Duta di Kedutaan Besar Malaysia. Selain itu kami turut melawat dan menginap di perkampungan traditional Hanok Village Traditional Craft di Bukchon. Perkampungan ini merupakan perkampungan era Dinasti Joseon yang mempunyai reka bentuk rumah Korea (Hanok) yang antaranya ada yang berusia lebih 100 tahun. Seterusnya, antara program lain adalah seperti bersama keluarga angkat selama satu malam.

Hasil daripada program ini, peserta dapat memahami sistem pentadbiran, pendidikan, pertanian dan pengangkutan di negara Korea yang boleh diadaptasikan di Malaysia bagi mengukuhkan hubungan diplomatik antara Korea dan Malaysia.

MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI DAN PENGURUSAN JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh : Siti Norhayati binti Mastar
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

PORT DICKSON, 3-4 APRIL 2017

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah mengadakan Mesyuarat Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri dan Pengurusan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia Bilangan 1/2017 telah diadakan di Pusat Edu Ecotourism Sungai Menyala. Mesyuarat ini telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia YBhg. Dato' Hj. Nor Akhrrudin bin Mahmud.



Penerangan denai Interpretasi sedang jalankan



Lawatan ke Perkampungan Orang Asli Bukit Kepong



Program penanaman pokok

KURSUS DENDROLOGI – PENGECAMAN POKOK DAN DAUN UNTUK KAKITANGAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN

Disediakan oleh: Nur Ain binti Mustapa
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

MACHANG, 4 APRIL 2017

Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan telah menganjurkan Kursus Dendrologi – Pengecaman Pokok dan Daun pada 4 hingga 6 April 2017 bertempat di Pusat Latihan Perhutanan Bukit Bakar, Machang. Kursus ini melibatkan penyertaan 25 orang peserta terdiri daripada Pengawas Hutan dan Pekerja Awam.

Objektif utama kursus ini adalah:

- Meningkatkan pengetahuan dan kamahiran kakitangan dalam bidang pengecaman pokok dan kayu balak
- Meningkatkan keyakinan kakitangan dalam membuat pengecaman pokok/kayu balak semasa menjalankan tugas harian
- Memahirkan kakitangan supaya berkemampuan untuk memberi maklumat dan panduan kepada orang awam berhubung dengan jenis-jenis pokok serta penggunaannya.



Sesi bergambar peserta kursus bersama Encik Mohd Radhi Chu bin Abdullah Timbalan Pengarah Perhutanan (Operasi) Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

Para Pengajar Kursus Dendrologi ini Encik Hazman bin Othman, Penolong Pegawai Hutan Jajahan Kelantan Timur dan Encik Mohd Syarie bin Mohd Yusof, Pengawas Hutan Jajahan Kelantan Barat.

Majlis Perasmian Kursus disempurnakan oleh Encik Mohd Radhi Chu bin Abdullah Timbalan Pengarah Perhutanan (Operasi) Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan



PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT KOLEJ PROFESIONAL MARA (KPM) BANDAR MELAKA SEMPENA HARI BUMI 2017

Disediakan oleh : Noor Syuhada binti Abdul Samad
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka

TANJUNG TUAN, 8 APRIL 2017

Program Tanggungjawab Sosial Korporat Kolej Profesional Mara (KPM) Bandar Melaka Sempena Hari Bumi 2017 telah diadakan di Taman Eko Rimba Tanjung Tuan yang sebelum ini dikenali sebagai Hutan Lipur Tanjung Tuan. Program ini dianjurkan oleh Kolej Profesional Mara (KPM) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Melaka dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Negeri Melaka (PERHILITAN). Tujuan program ini diadakan ialah bagi menyambut Hari Bumi Tahun 2017 Peringkat Negeri Melaka. Program ini melibatkan pelajar KPM empat puluh (40) orang, tenaga pengajar dan urus setia KPM seramai sepuluh (10) orang, urus setia Jabatan Perhutanan Negeri Melaka seramai sepuluh (10) orang dan beberapa orang peserta dari Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Perhilitan Negeri Melaka. Acara bermula dengan aktiviti penanaman pokok bakau sebanyak dua ratus (200)



Urus setia dan para peserta Program Tanggungjawab Sosial Korporat Kolej Profesional Mara (KPM) Bandar Melaka Sempena Hari Bumi 2017

anak pokok oleh para peserta dan taklimat oleh pihak Jabatan. Seterusnya lawatan ke Bilik Interpretatif Hidupan Liar oleh wakil Jabatan PERHILITAN Negeri Melaka sebagai acara akhir bagi program sesi pagi. Sesi petang diteruskan dengan

gotong royong membersihkan kawasan pantai dan aktiviti jungle trekking serta program memerhati burung pemangsa (Raptor Watch). Program ini diakhiri dengan taklimat dan demonstrasi persampelan air oleh pihak Jabatan Alam Sekitar.

OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU DI KOMPARTMEN 27 DAN 28 HUTAN SIMPAN BUKIT PERANGIN, KEDAH UTARA, JITRA

Disediakan oleh : Mohd Zuhir bin Ahmad Mustafa Khalili
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

JITRA, 11 APRIL 2017

Menyahut saranan YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia untuk mengaplikasikan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan dalam pelaksanaan tugas, Jabatan Perhutanan Negeri Kedah telah melaksanakan aktiviti penguatkuasaan di kompartmen 27 dan 28 Hutan Simpan Bukit Perangin dalam Daerah Kedah Utara bersama-sama dengan agensi yang berkaitan pada 11 April 2017 yang lalu. Operasi tersebut telah diketuai oleh Timbalan Pengarah Perhutanan (Operasi), Jabatan Perhutanan Negeri Kedah dan disertai oleh agensi-agensi seperti berikut:

Pejabat Daerah Kubang Pasu

Pejabat Tanah Kubang Pasu

Majlis Daerah Kubang Pasu

Angkatan Pertahanan Malaysia

Polis Diraja Malaysia

Kompartmen 27 dan 28 HS Bukit Perangin ini merupakan kawasan HSK yang telah diteroka untuk tujuan pertanian dan pendudukan sejak tahun 2001 dan


merupakan satu kesalahan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984.

Operasi penguatkuasaan bersepadu yang diselenggarakan dalam satu mesyuarat bersama agensi yang terlibat di Pejabat Daerah Kubang Pasu diadakan bermula jam 9 pagi. Satu taklimat ringkas yang disampaikan oleh Timbalan Pengarah (Operasi) telah diadakan di tapak matau kompartmen 28, HS Bukit Perangin sebelum operasi bermula. Operasi ini melibatkan seramai 120 orang kakitangan yang terdiri daripada kakitangan Jabatan Perhutanan dari setiap daerah, Unit Penguatkuasaan, Unit Silvikultur dan Unit Pengurusan, JPNK serta agensi yang berkaitan. Kawasan operasi penguatkuasaan bersepadu di kompartmen 27 & 28, HS Bukit Perangin dibahagikan kepada tiga (3) zon utama dan kebanyakan kerja dilakukan dengan memusnahkan tanaman serta infrastruktur yang dibina dalam kawasan tersebut. Selain itu, satu pasukan banciaan ditubuhkan bertujuan untuk membuat banciaan penempatan dalam kawasan tersebut bagi tujuan pemutihan.

Seluas ± 140 hektar telah diteroka dan seramai lebih kurang 70 orang yang terlibat telah membeli tanah teroka dalam Hutan Simpan Bukit Perangin tersebut.

Sebanyak 500 – 1,000 pokok jenis buah-buahan dan ladang ketum seluas ± 2.0 hektar dengan 15,000 pokok telah ditaman secara haram di kawasan paya dalam kompartmen tersebut.

Jabatan Perhutanan Negeri Kedah memandang serius isu pencerobohan dan penerokaan tanah HSK dan akan mengambil tindakan sewajarnya dalam mengekang aktiviti pencerobohan dan penerokaan HSK.



LATIHAN TRANSFORMASI NEGARA BAGI KAKITANGAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN SIRI 1/2017 MELALUI NBOS BERSAMA BIRO TATANEGARA

Disediakan oleh: Siti Norhayati binti Mohamad Mastar
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

REMBAU, 11 – 13 APRIL 2017

Seramai 40 orang kakitangan Jabatan telah hadir ke kursus Biro Tatanegara yang di anjurkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan. Kakitangan yang hadir terdiri daripada Pengawas Hutan dan juga Perkerja Aman Khas. Kursus ini diadakan bertujuan untuk menerapkan semangat cintakan Negara dan semangat setia kawan di dalam satu kumpulan. Kursus ini telah dirasmikan oleh Tuan Salim bin Aman Pengarah Perhutanan Negeri Sembilan.



Kumpulan Pertama siri 1/2017

PROGRAM HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI TERENGGANU 2017

Disediakan oleh: Nor Najwa binti Abdullah
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

KUALA BERANG, 15 APRIL 2017

Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu telah menganjurkan Program Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Terengganu 2017 dengan kerjasama Tenaga Nasional Berhad bertempat di Sekolah Menengah Sains Hulu Terengganu (SAHUT), Kuala Berang, Terengganu. Program ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Hj. Rozi bin Hj. Mamat, Pengerusi Jawatankuasa Belia & Sukan dan Sumber Manusia Negeri Terengganu mewakili YAB Dato' Seri Hj. Ahmad Razif bin Abd. Rahman, Menteri Besar Terengganu. Turut hadir ialah YBhg. Dato' Roslan bin Ariffin, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBhg. Dato' Hj. Ahmad Fadzil bin Abdul Majid, Pengarah Perhutanan

Negeri Terengganu, Pegawai Tenaga Nasional Berhad (TNB), Pegawai Kanan, ahli PUSPANITA Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu dan guru Sekolah Menengah Sains Hulu Terengganu (SAHUT). Sejumlah 1,000 orang yang hadir terdiri daripada pelajar Sekolah Menengah Sains Hulu Terengganu (SAHUT), kakitangan jabatan, kakitangan TNB, JKKK dan penduduk kampung. Penganjuran program ini bertujuan untuk memupuk kesedaran masyarakat untuk menyayangi khazanah hutan melalui program kemasyarakatan. Antara aktiviti yang dijalankan semasa program tersebut adalah penanaman pokok secara serentak dalam zon tanaman, pameran oleh jabatan serta agensi luar dan pertandingan melukis antara sekolah di Daerah Kuala Berang yang bertemakan 'Forest and Energy'.



Kumpulan Pertama siri 1/2017



Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Sains Ulu Terengganu

KURSUS PENGENALAN DAN PENGECAMAN SPESIES DIPTEROKARPA TERANCAM DI SEMENANJUNG MALAYSIA BAGI PEGAWAI LAPANGAN/BERUNIFORM TAHUN 2017 (ZON UTARA)

Disediakan oleh : Noor Azrien binti Zainon dan Siti Nurulhuda binti Ahmad Tarmidzi
Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, IPJPSM

TAIPING, 17 APRIL 2017

Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan (BSB) telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Kursus Pengenalan dan Pengecaman Spesies Dipterokarpa Terancam di Semenanjung Malaysia bagi Pegawai lapangan/beruniform 2017 (Zon Utara) pada 17 – 21 April 2017 bertempat di Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang, Perak yang terdiri daripada 27 orang Pegawai lapangan/beruniform Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) Perlis, JPN Kedah, JPN Pulau Pinang dan JPN Perak. Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan kefahaman mengenai status spesies tumbuhan terancam terutamanya kumpulan Dipterokarpa di Semenanjung Malaysia terutamanya spesies Dipterokarpa kategori Sangat Terancam (*Critically Endangered*) dan memberi penekanan terhadap kaedah pengecaman spesies Dipterokarpa terancam di lapangan secara amali. Kursus ini juga memberi fokus kepada 15 spesies Pokok Dipterokarpa (Kaum Damar) yang dikategorikan Sangat Terancam (*Critically Endangered*) dalam Kawasan Hutan Tanah Kerajaan dan Hutan Simpanan Kekal di Semenanjung Malaysia.

Sesi ceramah dan latihan amali di lapangan telah dikendalikan sepenuhnya oleh penceramah daripada Institut

Penyelidikan dan Perhutanan Malaysia (FRIM). Kursus selama lima (5) hari yang telah dijalankan meliputi kaedah pembelajaran secara teori, praktikal di lapangan dan latihan di dalam kumpulan yang meliputi penyediaan spesies terancam dalam bentuk herbarium. Para peserta telah dibawa ke lapangan bagi pengecaman spesies terancam iaitu di Hutan Simpan Bubu (Hutan Lipur Ulu Kenas), Hutan Simpan Kledang Saiong (Ulu Chepur), Kompartmen 127, Hutan Simpan Kledang Saiong dan UiTM Seri Iskandar, Perak Tengah, Perak. Sebanyak 10 spesies Dipterokarpa terancam yang telah ditemui seperti *Hopea apiculata* (melukut), *Shorea lamellata* (Meranti lapis), *Parashorea globosa* (Meranti pasir daun besar), *Vatica abdulrahmaniana* (Resak gajah), *Vatica flavida* (Resak padi), *Dipterocarpus semivestitus* (Keruing padi), *Shorea hemsleyana* (Chengal pasir

daun besar), *Shorea macrantha* (Meranti kepong hantu) dan *Vatica flavida* (Resak padi).



Anak pokok
Vatica abdulrahmaniana
(Resak gajah)



Batang
Shorea hemsleyana
(Chengal pasir daun
besar)



isi kulit *Shorea macrantha*
(Meranti kepong hantu)

Ujian penilaian pengecaman spesies Dipterokarpa terancam telah dijalankan bagi menguji tahap pengecaman spesies terancam dihadapan peserta kursus sebelum kursus dijalankan dan pada akhir kursus. Tujuan utama ujian penilaian pengecaman ini dijalankan adalah untuk menilai tahap keberkesanan kursus di mana markah ujian sebelum kursus dan markah akhir kursus bagi setiap peserta akan dibuat perbandingan. Hasil analisa keputusan ujian tersebut menunjukkan terdapat peningkatan markah bagi setiap peserta dan hal ini jelas menunjukkan kursus ini memberikan kefahaman kepada peserta.

PROGRAM MANGROVE OUR RESPONSIBILITY (MOR) FASA 2 DI BAWAH PROJEK NATIONAL BLUE OCEAN STRATEGY (NBOS)

Disediakan oleh : Noor Syuhada binti Abdul Samad
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka

TELOK MAS, 22 APRIL 2017

Program Mangrove Our Responsibility (MOR) Fasa 2 di Bawah Projek National Blue Ocean Strategy (NBOS) telah diadakan di Perkarangan Restoran Terapung Ikan Bakar Telok Mas, Melaka. Program ini dianjurkan oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bersama Jabatan Perhutanan Negeri Melaka. Program ini dirasmikan oleh YB. Datuk Wira Latiff bin Datuk Hj. Tamby Chik, Exco Komunikasi dan Koperasi merangkap Adun Telok Mas. Program ini disertai oleh sekolah-sekolah sekitar Negeri Melaka dan beberapa Institusi Pengajian Tinggi, Jawatankuasa Kecil Kampung (JKK), Persatuan Nelayan dan Mini RTC. Tujuan program ini diadakan adalah



untuk menyahut saranan Projek National Blue Ocean Strategy (NBOS) dalam aktiviti penanaman pokok. Sejumlah seratus (100) peserta telah terlibat sepanjang program ini berlangsung dan telah menanam lebih kurang lima ratus (500) anak pokok Bakau (*Rhizophora mucronata*).

PROGRAM RIADAH HOSPITAL TUANKU AMPUAN NAJIHAH, KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN

Disediakan oleh : Noor Syuhada binti Abdul Samad
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka

TANJUNG TUAN, 22 APRIL 2017

Program Riadah Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah, Negeri Sembilan telah diadakan di Taman Eko-Rimba Tanjung Tuan. Program ini dianjurkan oleh Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah, Negeri Sembilan dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Melaka. Tujuan program ini diadakan ialah sebagai salah satu acara riadah kakitangan hospital tersebut. Sebanyak tiga puluh (30) orang peserta melibatkan kakitangan hospital dan kakitangan Renj Alor Gajah telah menyertai program tersebut. Program ini dimulakan dengan taklimat oleh pihak kakitangan Renj Alor Gajah dan trekking ke Denai Pulau Intan. Denai Pulau Intan merupakan denai yang menarik kerana laluannya akan menuruni bukit hingga ke kawasan pantai. Denai ini terkenal dengan batu dan pasir yang berkilat seperti batu permata. Program ini diakhiri dengan aktiviti gotong royong di sekitar pantai.



Para Peserta yang terlibat yang terdiri dari kakitangan Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah, Negeri Sembilan



Aktiviti riadah para peserta program

MESYUARAT PEGAWAI KANAN HUTAN LIPUR DAN HUTAN TAMAN NEGERI

Disediakan oleh : Muhammad Firdaus bin Khadlan
Bahagian Forest Eco-Park dan Hutan Taman Negeri, IPJPSM



Mesyuarat Pegawai Kanan Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri Bil.1/2017 di Pejabat Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

KUALA PERLIS, 25 APRIL 2017

25 April 2017 – Bahagian Forest Eco-Park dan Hutan Taman Negeri (BEP) telah menganjurkan Mesyuarat Pegawai Kanan Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri bil.1/2017 di Pejabat Jabatan Perhutanan Negeri Perlis. Mesyuarat ini diurus setiakan oleh BEP dan Jabatan Perhutanan Negeri Perlis sebagai tuan rumah pada penganjuran mesyuarat kali ini. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh

Pengarah BEP telah dihadiri oleh Pegawai dan Pengurus Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri di Semenanjung Malaysia ini adalah bertujuan untuk memantau perkembangan projek-projek serta membincangkan permasalahan yang dihadapi di Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri yang mana ianya diadakan pada setiap suku tahun.

Pada 26 April 2017 pula, satu lawatan ke Taman Negara Thale Ban, Wang Pracan, Thailand telah diadakan. Rombongan

lawatan telah disambut oleh Ketua Staf Keselamatan Daerah Satun, Pegawai Tadbir Daerah Satun, Pengurus Taman Negara Thale Ban, Pegawai Hutan Daerah Satun serta kakitangan Taman Negara Thale Ban yang berjumlah kira-kira 100 orang kesemuanya. Taklimat dan penerangan berkenaan Taman Negara tersebut telah disampaikan oleh Pengurus Taman Negara Thale Ban. Ahli rombongan juga telah dibawa melawat ke sekitar kawasan Taman Negara Thale Ban.

LAWATAN KE TAMAN NEGARA THALE BAN, SATUN, THAILAND

Disediakan oleh :

Helmy Tariq bin Othman

Bahagian Forest Eco-Park dan Hutan Taman Negeri (IPJPSM)

THAILAND, 26 APRIL 2017

Lawatan ke Taman Negara Thaleban (TNT), Satun, Thailand telah diadakan pada 26 April 2017 oleh rombongan pegawai-pegawai Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Lawatan ini diadakan sebagai salah satu acara bersempena Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Hutan Lipur Bil. 1/2017 yang diadakan pada 25 hingga 27 April 2017 di Jabatan Perhutanan Negeri Perlis.

TAMAN NEGARA THALEBAN

Taman Negara Thaleban telah diisytiharkan sebagai Taman Negara pada 27 Oktober 1980. Ia terletak kira-kira 40 kilometer dari bandar Satun dan mempunyai keluasan 49,000 ekar, yang meliputi rizab Hutan Negara Kupang Pulot dan Hua Kraming serta Bo Nam Puyu Pa Khuan. Perkataan Thaleban datangnya daripada kawasan tasik yang terdapat di dalam kawasan Taman Negara ini yang berkeluasan 25,000 ekar. Taman Negara ini mempunyai hidupan liar yang merupakan tarikan kepada pengunjung yang meminati hidupan liar.

Lawatan ke Taman Negara Thaleban telah memberikan warga JPSM amnya dan BEP khususnya, di dalam aspek pengurusan kawasan ekopelancongan hutan yang bertaraf dunia. Setiap pendedahan serta berpeluang yang telah diperolehi semasa lawatan ini seperti bertukar-tukar pandangan dan idea mengenai pengurusan kawasan ekopelancongan di antara pegawai dan kakitangan yang bertugas di Taman Negara ini dengan warga JPSM. Semoga lawatan seperti ini dapat memberikan impak yang positif terhadap minda warga JPSM amnya dan BEP khususnya di dalam mengurus dan membangunkan kawasan ekopelancongan ke arah menjadikan pengurusan kawasan taman negara yang berjaya dan terkenal di dalam dan luar Negara.



Sambutan luar jangka oleh Pegawai dan Kakitangan Taman Negara Thaleban terhadap warga JPSM



Sesi pengenalan warga JPSM dan Pegawai dan Kakitangan Taman Negara Thaleban bagi merapatkan silaturrahim.



Peserta lawatan bergambar sebagai kenangan di Taman Negara Thaleban, Thailand



Acara menanam pokok Merawan siput jantan dan Keruing bulu sebagai simbol silaturrahim antara JPSM dan warga Taman Negara Thaleban.



Bertukar-tukar cenderahati antara JPSM (diwakili oleh Pengarah BEP) dan Taman Negara Thaleban (diwakili oleh Ketua Staff Keselamatan Daerah Satun)

MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)

Disediakan oleh : Mohd Hafiz bin Samsudin
Unit Integriti Perhutanan, IPJPSM

KEPONG, 21 APRIL 2017

Pada 21 April 2017 bertempat di Dewan Alwy, Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah mengadakan Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) peringkat Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Bacaan Ikrar Bebas Rasuah ini di ketuai oleh YBhg. Dato' Hj Nor Akhirrudin bin Mahmud, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia dengan disaksikan oleh YBhg. Dato' Shamsun Baharin bin Mohd Jamil, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Ikrar ini turut di tandatangani Timbalan Ketua Pengarah



Pengarah Perhutanan Negeri dan Pegawai Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia melafazkan Ikrar Bebas Rasuah



Bacaan Ikrar Bebas Rasuah
oleh YBhg. Dato' Hj. Nor Akhirrudin bin Mahmud
KPPSM dan YBhg. Dato. Hj Roslan bin Ariffin TKP (DP)

(Dasar dan Perancangan), YBhg. Dato' Roslan bin Ariffin dan Pengarah-Pengarah Bahagian IPJPSM. Majlis ini turut di hadiri oleh Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri-negeri.

Ikrar Bebas Rasuah (IBR) ini merupakan satu inisiatif baharu yang diperkenalkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hasil cetusan idea oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM sendiri, Datuk Dzulkifli Ahmad. IBR ini memberi penekanan kepada ikrar dan janji yang dibuat oleh para kepimpinan organisasi dan warganya secara sukarela atas kapasiti sebagai individu untuk memastikan setiap individu yang menandatangani ikrar tersebut akan lebih

bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah selama mereka memegang jawatan tersebut.

Objektif IBR ini adalah untuk memastikan setiap individu pemimpin dan organisasi akan lebih bertanggungjawab dalam menjalankan tugas dan memastikan bahawa usaha membanteras rasuah ini adalah tanggungjawab bersama sepanjang mereka memegang jawatan tersebut.



KPPSM menandatangani surat Ikrar Bebas Rasuah

PENYERTAAN PEJABAT HUTAN DAERAH HULU SELANGOR DALAM PROGRAM PANTAI ANGKAT DAN SUNGAI ANGKAT

Disediakan oleh : Tuan Syed Mohd Adzha bin Syed Khalid
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

HULU SELANGOR

Program Pantai Angkat dan Sungai Angkat Negeri Selangor 2016 ini telah diadakan buat julung kalinya dengan melibatkan kawasan-kawasan sungai di Negeri Selangor pada tahun 2016. Program ini diselenggarakan oleh Lembaga Urus Air Negeri Selangor (LUAS) dengan kerjasama Sekysen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) di bawah Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna. Program ini telah berlangsung pada 21 Julai 2016 sehingga 11 April 2017.

Objektif program ini diadakan adalah seperti berikut:

- Mewujudkan persekitaran sungai dan pantai yang bersih, ceria dan selamat untuk dikunjungi
- Memupuk kesedaran dalam kalangan penduduk setempat akan kepentingan penjagaan sungai dan ekosistem pantai
- Memupuk rasa cinta terhadap alam sekitar
- Mewujudkan kawasan sungai dan pesisir pantai yang dapat menarik kedatangan pelancong luar dan dalam Negara sekaligus dapat meningkatkan taraf hidup penduduk setempat, dan
- Menanamkan rasa 'sense of belonging' atau 'ownership' dalam kalangan penduduk setempat terhadap kawasan sungai dan persisiran pantai Negeri Selangor.

Program ini memperuntukkan kesemua daerah dan PBT di Negeri Selangor untuk menawarkan mana-mana kawasan sungai atau pantai yang mempunyai tarikan pengunjung bagi dipertandingkan. Kriteria pemilihan utama bagi pertandingan ini adalah kebersihan, keceriaan, penggunaan bahan terpakai, kerjasama dan kreativiti, dan markah khas juri.

Bagi menjayakan program ini, Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Selangor dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Hulu Selangor telah memilih Taman Alor Lempah, Kampang Pechah, Kuala Kubu Bharu sebagai lokasi sungai untuk dipertandingkan.

Satu pasukan bertindak bagi melaksanakan aktiviti yang dirancang telah ditubuhkan dikenali sebagai Jawatankuasa River4Life Hulu Selangor. Sebanyak 10 agensi kerajaan yang terlibat aktif sebagai ahli jawatankuasa



Pelan Susun Atur Alor Lempah Botanical Park



Tuan Syed Mohd Adzha bin Syed Khalid, Pegawai Hutan Daerah Hulu Selangor menerima sijil penghargaan daripada Tuan Mohd Fauzi, Pegawai Daerah Hulu Selangor



tersebut iaitu Polis Daerah, Hospital Daerah, Pejabat Kesihatan Daerah, Bomba Daerah, Majlis Daerah, Pejabat Hutan Daerah, JKR Daerah, JPS, Masjid Jamek Ar Rahimah dan Pejabat Agama Islam Daerah. Menariknya, jawatankuasa ini juga telah disokong kuat oleh satu badan komuniti setempat iaitu Komuniti Ronda Selamat Jiwa Murni yang diterajui oleh Tok Airudin bin Saranor, Penghulu Mukim Kuala Kubu Bharu/Rasa.

Sungai Alor Lempah adalah merupakan anak sungai yang datang dari Empangan Sungai Selangor dan kemudiannya mengalir dan menghubungkan Sungai Selangor di Rasa. Beberapa siri mesyuarat penyelarasan telah diadakan bermula Julai 2016 hingga Januari 2017 iaitu sebelum sesi penjurian dijalankan. Aktiviti gotong-royong secara besar-besaran juga telah diadakan sebanyak 2 kali bagi membersihkan kawasan sepanjang sungai Alor Lempah ini dan kemudiannya menanam anak-anak pokok hutan seperti Keruing neram dan spesies-spesies orkid hutan selain menubuhkan beberapa laman berkonsepkan taman botani hutan. Antara laman yang telah

ditubuhkan adalah seperti Lemon park, Mango Heaven, Wild Orchid, Sekebun Bunga, Little Forest, Durian Farm, Herb Walk, Alam Nadir, Heliconia Paradise dan Miracle Tree Park.

Hasil 3 siri penjurian yang dijalankan, Taman Alor Lempah telah dinobatkan sebagai juara bagi Kategori Sungai dan memenangi hadiah berjumlah RM 10,000.00.

Pejabat Hutan Daerah Hulu Selangor (PHD HS) adalah salah satu agensi kerajaan yang telah menyertai program ini. Peranan PHD HS dalam program ini adalah bagi membantu daripada segi memberi idea dan nasihat teknikal serta bekerjasama secara aktif dalam aktiviti gotong royong membersihkan dan mengindahkan kawasan sungai ini serta pelbagai aktiviti lain yang dianjurkan. Selain itu, sebahagian bekalan anak pokok hutan turut disumbangkan bagi tujuan mengayakan kawasan sungai ini dengan spesies-spesies hutan yang berkualiti.

ARTIKEL KESIHATAN

Disediakan oleh : Zulazfar Husaini bin Abdullah Sani
Bahagian Teknikal dan Industri Kayu, IPJPSM

Apa itu Indeks Glisemik/ *Glycemic Index* (G.I)?

Indeks glisemik (GI) ialah satu ukuran secepat mana aras glukosa darah (gula darah) meningkat selepas memakan makanan tertentu. Kesan setiap makanan terhadap aras glukosa darah berbeza-beza. Ia juga merujuk kepada berapa pantas insulin yang akan dirembeskan (oleh pankreas) sebagai tindak balas oleh karbohidrat tersebut, dan berapa pantas karbohidrat tersebut dicernakan. Nilai rujukan untuk G.I ialah 100 (iaitu nilai G.I untuk glukosa).

Adakah G.I juga terdapat kelasnya yang tersendiri?

Makanan berkarbohidrat secara umum dibahagikan kepada 3 kelompok, iaitu:

G.I Tinggi	G.I Sederhana	G.I Rendah
≥ 71	di antara 70 - 55	≤ 54

Bagaimana nilai G.I dalam sesuatu makanan ini ditentukan?

Cara untuk menentukan nilai G.I dalam sesuatu makanan (sebagai contoh makanan A), makanan A akan diberikan kepada beberapa orang sukarelawan (untuk mendapatkan keputusan yang purata). Sukarelawan ini akan memberikan sampel darah mereka dalam julat waktu yang berbeza, dalam tempoh 2 jam, untuk diuji paras glukosa dalam darah mereka. Nilai tersebut kemudiannya diplotkan pada sebuah graf dan nilai G.I kemudiannya ditentukan menggunakan rumus kamiran (Integration) menggunakan komputer.

Mengapa pentingnya untuk memahami konsep G.I?

Semakin tinggi nilai G.I sesuatu karbohidrat, maka semakin banyak insulin yang akan dirembeskan oleh pankreas kerana tindakbalas karbohidrat tersebut. Ini menjurus kepada terjadinya fenomena yang dikenali sebagai "Insulin Spike". Ketika fasa ini, insulin akan dirembeskan dengan mendadak pada kadar yang banyak, untuk membantu transportasi glukosa ke dalam sel.

Ini mengakibatkan paras glukosa dalam darah jatuh kembali dengan mendadak, dan otak akan mula berfikir bahawa badan kekurangan sumber glukosa, sekaligus memberikan isyarat bahawa tubuh badan masih lapar dan memerlukan lebih makanan, sekaligus mengakibatkan anda makan secara berlebihan kelak. Sekarang anda faham mengapa anda tidak pernah berasa puas atau kenyang setelah mengambil minuman/makanan yang manis ?

Apa yang saya perlu tahu lagi tentang "Insulin Spike"?

Umum sedia maklum fungsi hormon insulin, iaitu sebagai hormon yang bertanggungjawab untuk 4 perkara berikut (disusun mengikut turutan):

- 1 membawa glukosa ke dalam sel
- 2 menukarkan glukosa kepada glycogen di dalam sel
- 3 membawa glycogen yang berlebihan di sel untuk disimpan sementara di hati
- 4 menukarkan glycogen yang berlebihan di hati kepada LEMAK

Memandangkan insulin adalah hormon yang bertanggungjawab kepada 4 proses biokimia di atas, maka secara teorinya, jika kita berjaya mengurangkan kadar rembesan insulin, secara tidak langsung kita sebenarnya berjaya mengurangkan risiko untuk karbohidrat yang diambil ditukarkan kepada lemak badan.

Maksudnya, untuk mengurangkan kebarangkalian terjadinya "Insulin Spike", kita haruslah memilih makanan ber G.I rendah, tidak kah begitu tuan penulis?


YA, BETUL.

Jadual berikut boleh dijadikan sebagai panduan. **Merah** membawa maksud tinggi G.I, **kuning** membawa maksud G.I yang sederhana, manakala **hijau** membawa maksud rendah G.I.

FOOD	TYPE	G.I Value
Sweet potato	Potato	54
Kellogg's Special K	Cereal	54
Curry Puff	Kuih	54
Sour Dough Bread	Bread	52
Kiwi	Fruits	52
Ice Cream	Other	50
Chocolate Bar	Other	49
Oatmeal	Cereal	49
Carrots	Vegetables	49
Baked Beans	Bean and Nuts	48
Macaroni	Noodles	47
Noodles (Instant)	Noodles	46
Sponge Cake	Kuih	46
Grapes	Fruit	46
Lactose	Sugar	46
Orange	Fruits	44
Spaghetti	Noodles	43
Plum	Fruits	39
Apple	Fruits	38
Pear	Fruits	38
Gardenia Breakthru	Bread	36
Milk (Chocolate flavoured)	Dairy	34
Yogurt	Dairy	33
Fettuccini	Noodles	32
Milk (Skimmed)	Dairy	32
White Beans	Bean and Nuts	31

FOOD	TYPE	G.I Value
Lentils	Bean and Nuts	30
Grapefruit	Fruits	25
Fructose	Sugar	23
Cherries	Fruits	22
Milk (Whole)	Dairy	22
Cashews	Bean and Nuts	22
Soy Beans	Bean and Nuts	18
Walnuts	Bean and Nuts	15
Peanuts	Bean and Nuts	14
Broccoli	Vegetables	10
Cabbage	Vegetables	10
Lettuce	Vegetables	10
Mushroom	Vegetables	10
Onion	Vegetables	10
Red Peppers	Vegetables	10

Apa yang dapat disimpulkan disini, makanan yang akan membuatkan anda **RASA KENYANG LEBIH LAMA**, adalah makanan yang mempunyai nilai G.I yang rendah. Pilihan ditangan anda. Buatlah pilihan dengan bijak...



Low GI and High in Antioxidant!

100% WholeGrain with Canadian Purple Wheat has...

- ✓ Low Glycaemic Index (G.I) : 46
- ✓ High Antioxidant : 339 TEAC / 100g
- ✓ Low Fat : 3.0g / 100g
- ✓ High Fibre : 8.4g / 100g
- ✓ 0% Trans Fat
- ✓ Enriched with Vitamins & Minerals
- ✓ No Artificial, Synthetic or Unnatural Preservatives Added

IT'S BETTER FOR YOU!

FOOD	G.I Value
Wholemeal Bread (Bread)	70
Biskut/Roti Kering (Kuih)	70
Whole Wheat Bread (Bread)	69
Croissant (Kuih)	67
Nasi Lemak (Grains)	67
Pineapple (Fruits)	66
Sucrose (Sugar)	65
Ice Cream (Whole) (Other)	61
Nasi Goreng (Grains)	59
Blueberry Muffin (Kuih)	59
Bihun/Laksa (tanpa kuah) (Noodles)	58
Basmati Rice (Grains)	58
Papaya (Fruits)	58
Honey (Sugar)	58
Pita Bread (Bread)	57
Brown Rice (Grains)	55
Banana (Fruits)	55
Mango (Fruits)	55
Corn (Grains)	55
Popcorn (Grains)	55
Potato Chips (Other)	55
Oatmeal Cookies (Kuih)	55

FOOD	G.I Value
Maltose (Sugar)	105
Watermelon (Fruit)	103
Glucose (Sugar)	100
Meehon Goreng (Noodles)	100
Potato (Baked) (Potato)	93
Biskut Beras (Kuih)	91
Potato (Mashed,Instant)(Potato)	86
Kellogg's Cornflakes (Cereal)	84
Pretzels (Kuih)	83
Pau Kari Ayam (Kuih)	80
Teh Tarik (Drinks)	79
Broad Beans (Bean and Nuts)	79
Waffles (Kuih)	76
Donut (Kuih)	76
Potato (French Fries) (Potato)	75
Pumpkin (Vegetables)	75
Fried Macaroni (Noodles)	73
White Bread (Bread)	73
Nasi Putih (Grains)	72
Bagel (Kuih)	72
Com Chips (Kuih)	72
Roti Canai (Bread)	71



[WWW.FORESTRY.GOV.MY](http://www.forestry.gov.my)

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
FORESTRY DEPARTMENT PENINSULAR MALAYSIA

Jalan Sultan Salahuddin, 50660 Kuala Lumpur
Tel: (6)03-2616 4488 Fax: (6)03-2692 5657
<http://www.forestry.gov.my>